

Jilid 1  
Bil.37



Hari Selasa  
5hb Februari, 1991

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 5489]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** [Ruangan 5525]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan)** [Ruangan 5526]

**Rang Undang-undang Pencen (Pindaan)** [Ruangan 5537]

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.H.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Ulama, DATO' SERI DR LIM KENO YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOOGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,  
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.U., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Bestut).

Menleri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., I.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempaian, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

„ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAJL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kcmaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGOAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Seliausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJT ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus),

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat)-

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

„ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

„ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

DR V. DAVID (Puchung).

„ TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

„ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

„ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

„ TUANGOOIHOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAH MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

„ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

„ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

„ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

„ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

„ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

„ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

„ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BTN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN RohANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIH KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAIU (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.H.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullab bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hatnid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT****Selasa, 5bb Februari, 1991***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****KAMPUNG BARU—  
KESAN INTEGRASI**

**1. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) oleh kerana Kerajaan telah menghapuskan perbezaan di antara Kampung Baru dan kampung-kampung lain, adakah sebarang kesan buruk yang mungkin timbul akibat dari penghapusan tersebut; dan
- (b) sekiranya tidak terdapat sebarang kesan buruk adakah Kerajaan akan menjamin untuk meneruskan segala peruntukan yang sebelumnya dinikmati oleh penduduk Kampung Baru, atau malah menambahkan kemajuan kampung-kampung seperti infrastruktur dan lain-lain.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dr Ting Chew Peh):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tujuan Kerajaan menghapuskan perbezaan di antara Kampung-kampung Baru dan kampung-

kampung lain adalah baik iaitu supaya Kampung-kampung Baru diintegrasikan ke dalam arus pembangunan secara keseluruhan. Langkah ini dijangka akan menghasilkan kesan yang baik.

- (b) Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan akan meneruskan pemberian perkhidmatan dan kemudahan kepada penduduk-penduduk di semua kawasan penempatan tidak kira sama ada Kampung Baru atau kampung tradisional, mengikut keperluan semasa dan setempat serta keupayaan kewangan negara.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Merujuk kepada jawapan Menteri adakah selepas penghapusan nama Kampung Baru ini akan diadakan Ketua-ketua Kampung seperti kampung-kampung tradisi—Ketua Kampung alaupun Tok Sidang? Adakah juga mungkin dilantik Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Katnpung untuk mentadbir Kampung-kampung Baru tersebut?

Soalan kedua, bagaimanakah kedudukan Pegawai Kemajuan Kampung Baru dan seterusnya kalau masih kekal bagaimanakah fungsi pegawai ini seterusnya?

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi matlamat jangka panjang Kerajaan untuk menubuhkan JKKK di semua Kampung

Baru selepas nama Kampung Baru dihapuskan. Dengan adanya JKKK maka akan juga dilantik Pengerusi bagi JKKK itu.

Berhubung dengan fungsi Pegawai Kemajuan Perkampungan, sebenarnya mereka adalah pegawai yang dikhaskan untuk membantu pihak Kerajaan membangunkan Kampung Baru.

**Tuan Lau Dak Kee:** Soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, dikatakan infrastruktur-infrastruktur akan dilakukan, tidak kira sama ada ianya Kampung Barukah atau kampung lamakah atau kampung tradisional. Saya hendak minta penjelasan sama ada benar atau tidak peruntukan bagi memajukan perkampungan bagi tahun 1991 iaitu tahun ini hanya \$10 sahaja. Jika ianya betul, maka bagaimanakah Menteri dapat menjalankan untuk mewujudkan atau melaksanakan infrastruktur-infrastruktur yang dijamin oleh Menteri yang berkenaan?

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memajukan perkampungan itu sebenarnya satu jumlah yang agak besar di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan kami masih menunggu kelulusan daripada Kerajaan Pusat.

**Puan Lim Lay Hoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga bertanggungjawab terhadap kemudahan-kemudahan belajar yang amat daif di sekolah-sekolah yang terdapat di kawasan-kawasan Kampung Baru?

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kebajikan rakyat jelaia itu memang menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri. Jadi dalam kes pendidikan ini sebenarnya tanggungjawab itu lebih diserahkan kepada pihak Kementerian Pendidikan.

## HOSPITAL DAERAH KOTA BELUD— BAYARAN RAWATAN

**2. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah pihak berkuasa Hospital Daerah Kota Belud, Sabah tidak mengiktiraf surat-surat yang dibuat oleh Pengerusi JKK, Ketua Kampung atau Ketua Anak Negeri atau borang khas yang diisi oleh para pesakit termiskin untuk mendapat pengecualian daripada bayaran rawatan di Hospital. Kalau pun pesakit itu tidak boleh buai apa-apa lagi kerana ketermiskinannya namun ia masih dikehendaki untuk membayar separuh daripada kos rawatannya. Kalau tidak ianya tidak akan diberikan ubat seperti yang diprescribe oleh Pegawai Perubatan (yang seharusnya dibawa pulang oleh pesakit selepas dikeluarkan daripada Hospital) sehingga pesakit berkenaan datang kembali membayar kos rawatannya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa di Hospital Daerah Kota Belud mengiktirafkan semua surat daripada Pengerusi JKK, Ketua Kampung ataupun Ketua Anak Negeri. Namun demikian, semua pesakit ditemuduga untuk membantu mereka mengisikan borang pengecualian daripada bayaran caj ward. Semua pesakit sama ada mampu ataupun tidak untuk membuat bayaran caj wad diberikan ubat seperti diprescribe, dengan izin, oleh Pegawai Perubatan semasa discaj daripada hospital.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, orang awam yang mendapat rawatan di hospital-hospital Kerajaan akan dikenakan bayaran mengikut kadar-kadar yang telahpun ditetapkan dalam Perintah (Fee Perubatan) 1982.

Bagi pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan untuk membayar sebahagian ataupun kesemua charge

yang dikenakan mereka mestilah memohon pengecualian daripada Ketua Hospital ataupun wakil yang dilantiknya dengan memenuhkan borang pengecualian yang disediakan.

Pertimbangan akan diberi oleh Ketua Hospital ataupun wakilnya berdasarkan kepada maklumat-maklumat di dalam borang pengecualian dan juga temuduga dengan pesakit. Surat-surat sokongan yang menunjukkan keupayaan pesakit membuat bayaran boleh diturut-sertakan semasa mengemukakan permohonan pengecualian. Surat-surat yang dimaksudkan adalah seperti berikut iaitu:

- (1) Surat daripada Wakil Rakyat;
- (2) Surat daripada Pegawai-pegawai Kumpulan A;
- (3) Surat daripada Ketua Kampung/JKKK; dan
- (4) Surat daripada Ketua Jururawat serta Pegawai Kanan di Pejabat Kesihatan yang berhampiran dengan tempat tinggal pesakit.

Perlu ditegaskan di sini bahawa pengecualian sama ada sebahagian berdasarkan amaun yang mampu dibayar ataupun tidak oleh pesakit atau sepenuhnya akan tetap diberikan kepada pesakit/orang awam walaupun tanpa surat-surat sokongan di atas, dengan syarat pesakit sendiri memohon pengecualian bayaran hospital tersebut.

**Tuan Maidom P. Pansai:** Soalan tambahan. Apakah pengecualian yang dimaksudkan itu memangnya termasuk di dalam peraluran Kementerian Kesihatan ataupun ianya hanya satu perkara yang dilaksanakan berdasarkan kepada budibicara pihak Penguasa Hospital di sesuatu hospital?

Saya bertanya demikian, kerana apa yang saya dapat lihat berdasarkan pengalaman di daerah saya sendiri ialah ada yang mampupun kalau dia kenal dengan pegawai itu dan beliau menggunakan budibicaranya, maka dia boleh dikecualikan, tetapi kalau ianya

tidak kenal dengan pesakit itu, maka ianya tidak diberikan pengecualian. Jadi, ternyata bahawa ianya hanya berdasarkan kepada budi bicara sahaja. Adakah pengecualian itu bersifat demikian?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita mempunyai peruntukan-peruntukan khas tentang cara pengecualian yang diberi, tetapi bagaimana ianya ditadbirkan sebahagian besarnya bergantung kepada budibicara pegawai yang memberi pengecualian tersebut.

**INDUSTRI KECIL/SEDERHANA—  
FUNGSI SUB-CONTRACTING  
EXCHANGE**

**3. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menieri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah fungsi pusat "Sub-contracting Exchange" di Kementerian dan berapakah jumlah kajian R&D yang telah dijalankan bagi meningkatkan mutu dan daya pengeluaran industri kecil dan sederhana. Industri kecil dan sederhana manakah yang diberikan penekanan dan perhatian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato Dr K. S. Nijhar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sub-contracting Exchange ini, dengan izin, telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada September, 1986 sebagai satu usaha Kerajaan untuk menggalakkan industri kecil dan sederhana tempatan menjadi industri sokongan kepada industri besar.

Fungsi utama Exchange ini ialah untuk menjalinkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan yang berupaya mengeluarkan komponen dan peralatan dengan syarikat-syarikat besar yang memerlukan bekalan komponen

dan peralalan tersebut bagi barangan keluaran mereka. Fungsi ini dilaksanakan menerusi satu sistem maklumat berkomputer.

Setakat ini, fungsi-fungsi tersebut telah dijalankan melalui beberapa aktiviti berikut:

Enam bidang pembuatan yang didapati berpotensi besar untuk berkembang telah diberi keutamaan bagi menggalakkan aktiviti sub-contracting ini. Bidang-bidang berkenaan ini ialah pembuatan komponen-komponen untuk industri otomotif, elektronik, elektrik, mesin dan kejuruteraan, getah dan plastik. Galakan-galakan yang telah diperuntukkan bagi tujuan ini ialah:

- (i) Pengurangan pendapatan larasan ke atas pembelian komponen dan peralatan dari syarikat-syarikat kecil;
- (ii) pengecualian sepenuh dari duti import ke atas bahan mentah/komponen/mesin/peralatan; dan
- (iii) taraf Perintis secara otomatik.

Sehingga 31hb Oktober, 1990, 27 buah syarikat besar telah membuat pertanyaan untuk 237 jenis komponen-komponen tertentu termasuk komponen-komponen untuk kereta, mesin dan peralatan pertanian serta peralatan elektrik dan elektronik yang kini diimport oleh syarikat-syarikat besar berkenaan. Jumlah besar nilai keperluan untuk kesemua jenis komponen-komponen tersebut ialah \$12.4 juta lebih.

Pusat Sub-contracting Exchange telah mengenalpasti 146 buah syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan yang berkebolehan untuk membuat dan membekalkan komponen-komponen tersebut. Setakat ini, 11 buah syarikat-syarikat kecil dan sederhana ini telah menerima pesanan bagi 32 jenis komponen bernilai kira-kira \$200,000.

Beberapa pertanyaan masih lagi di dalam peringkat rundingan, manakala ada juga yang tidak berjaya oleh kerana kegagalan meyakinkan syarikat-syarikat besar berkenaan dari segi harga, mutu keluaran dan pembekalan.

Prestasi yang dinyatakan ini mungkin tidak merupakan satu pencapaian yang begitu memuaskan. Kerja sub-contracting ini bukanlah satu urusan yang mudah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Pada hakikatnya, kebanyakan syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan masih lagi tidak kompetitif dan mempunyai kelemahan-kelemahan dalam teknologi rekabentuk pengeluaran serta kos pengeluaran yang tinggi disebabkan oleh scale pengeluaran kecil-kecilan dan kos bahan mentah yang tinggi. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan adalah digesa supaya membuat perubahan-perubahan yang perlu bagi meningkatkan keupayaan mereka sehingga mampu memenuhi syarat-syarat dan kehendak syarikat-syarikat besar. Pihak Kerajaan, melalui agensi-agensi teknikal seperti SIRIM, sedia untuk membantu dalam hal ini. Di samping itu, syarikat-syarikat besarpula hendaklah menyediakan program-program khas bagi membantu pembangunan syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan supaya mereka boleh menjadi industri sokongan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai jawapan kepada soalan R&D, saya ingin memaklumkan bahawa Exchange tersebut tidak menjalankan aktiviti-aktiviti R&D semata-mata tetapi ianya mengumpulkan data-data yang ada kaitan dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan juga telah menjalankan beberapa bancian. Segalanya adalah untuk membantu pengusaha—pengusaha firma IKS. Sekiranya ada apa-apa isu yang memerlukan kajian yang mendalam atau R&D, ianya dirujuk kepada SIRIM, MARDI dan FRIM.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai dengan syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang dikatakan tadi belum kompetitif yang pertama dari segi mutu, dari segi harga dan teknologi. Walaupun telah dijelaskan bahawa Kerajaan akan membantu ataupun SIRIM boleh membantu di mana pihak Kerajaan menggesa supaya mereka lebih kompetitif, saya ingin bertanya dengan lebih jelas, apakah peranan pihak Kementerian yang lebih khusus selain daripada menggesa pihak SIRIM yang akan membantu syarikat-syarikat berkenaan: dari segi secara yang lebih jelas untuk membolehkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana ini lebih kompetitif dan sampai kepada tahap sebagaimana yang diharapkan oleh syarikat-syarikat besar yang membuat tempahan kerana setakat menggesa ataupun setakat bantuan SIRIM mungkin belum mencukupi? Apakah Kementerian telah mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka baik dari segi modal, teknologi dan sebagainya dan bagaimanakah rancangan yang lebih sistematik bagi Kementerian membantu syarikat-syarikat ini?

**Dato Dr K. S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat maklum, peranan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah untuk menjalankan alau mewujudkan insentif-insentif kepada industri di negara ini, khasnya kepada industri kecil dan sederhana. Dalam proses menjalankan dan mewujudkan insentif-insentif ini, Kementerian telah menjalankan satu peranan yang penting. Walau bagaimanapun, mengenai research atau R&D itu bukanlah peranan di bawah Kementerian Perdagangan tetapi tugas itu adalah diletakkan di bawah SIRIM, Forest Industry Institute of Malaysia (FRIM) atau MARDI kerana ketiga-tiga buah agensi Kerajaan ini menjalankan tugas-tugas berkaitan

dengan R&D. Tetapi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedar bahawa industri kecil dan sederhana (IKS) belum lagi mencapai satu tahap yang memuaskan.

Proses ini mengambil langkah yang panjang, bukan boleh diselesaikan dalam langkah yang pendek, iaitu kita selalu mengambil langkah-langkah, baik untuk menjalankan tugas ini dan diharapkan pada satu hari yang akan datang, pencapaian yang lebih luas boleh dicapai.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Sub-contracting Exchange yang disebut oleh Setiausaha Parlimen tadi berusaha memastikan bahawa syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana yang hendak dibangunkan oleh 27 buah syarikat besar tadi diletakkan di kawasan-kawasan di luar daripada kawasan-kawasan perindustrian besar yang terletak di bandar-bandar besar, khususnya ke kawasan-kawasan di dalam corridor kecil sepertimana yang digariskan di bawah plan induk perindustrian negara. Kalau ia, adakah satu sistem, ataupun satu jaringan kawasan-kawasan perindustrian kecil ini direncanakan dan diimplementasikan di pekan-pekan kecil di dalam corridor-corridor kecil ini?

**Dato Dr K. S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan firma-firma IKS atau Industri Kecil dan Sederhana memang diletakkan di luar bandar atau kawasan-kawasan yang kurang maju. Ini adalah satu perkara yang biasa. Oleh itu, Kerajaan menggalakkan satu insentif yang bernama locational incentives. Locational incentives ini diberi kepada IKS yang diletakkan di kawasan kurang maju atau kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, kita kadang-kadang mendorong firma-firma pergi ke lokasi yang kita ingin kehendaki, tetapi pengusaha-pengusaha sendiri membuat keputusannya di mana mereka hendak pergi, kita tidak boleh memaksa mereka pergi ke mana kita hendak mereka pergi.

## REJIM TENTERA MYNMAR

**4. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan konsisten dengan sokongan Kerajaan terhadap hak-hak demokratik dan manusia yang asas:

- (a) menyeru rejim tentera di Mynmar supaya menyerah kuasa kepada Kerajaan yang dipilih oleh rakyat Mynmar;
- (b) menyeru rejim tentera Mynmar membebaskan dengan serta merta semua tahanan politik dan hentikan segala penangkapan, penyeksaan dan pembunuhan yang dilakukan secara sewenang-wenang;
- (c) menyeru rejim tersebut melonggarkan perintah tentera di Mynmar; dan
- (d) mengenakan sekatan ekonomi terhadap rejim Mynmar selagi tuntutan untuk demokrasi dan hak-hak manusia tidak dipenuhi.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang peka terhadap pergolakan di negara Mynmar berikutan keengganan pihak berkuasa SLORC, dengan izin, State Law and Order Restoration Council menyerahkan kuasa kepada NLD, dengan izin, National League for Democracy yang memenangi pilihanraya pada bulan Mei 1990 yang lalu. Kita sedar bahawa rakyat Mynmar mahukan sesuatu Kerajaan yang mereka pilih sendiri. Pada ketika ini, adalah diharapkan pihak SLORC dan rakyat Mynmar akan dapat menyelesaikan masalah ini secara aman dan damai demi kepentingan negara mereka.

Dalam hal ini, kita yakin bahawa sebarang campur tangan dari luar, bukan sahaja tidak akan disenangi, tetapi juga tidak akan berkesan, malah mungkin membawa kesan yang negatif. Oleh itu,

Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap Mynmar yang boleh ditafsirkan sebagai campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri Myanmar tersebut.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan adakah benar juruterbang Tentera Udara Mynmar dilatih oleh Kerajaan Malaysia dan bolehkah nyatakan nilai penjualan senjata ke Mynmar, dan akhir sekali, jenis perdagangan yang dijalankan antara Malaysia dan Mynmar dan nilai tersebut yang terlibat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa itu terkeluar langsung daripada pertanyaan asal.

## SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL—PEMBINAAN

**5. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Pendidikan menyatakan rancangan pembinaan Sekolah-skolah Menengah Vokasional dalam Rancangan Malaysia Keenam:

- (a) jumlah unit yang dibina;
- (b) negeri manakah yang terlibat; dan
- (c) adakah Kementerian menimbangkan pembinaan Sekolah Menengah Vokasional itu di Sepang.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pendidikan telah mencadangkan:

- (a) pembinaan 8 buah Sekolah Menengah Vokasional di seluruh negara;
- (b) negeri-negeri yang terlibat ialah negeri Kedah, Kelantan, Melaka, Perak, Pulau Pinang, Terengganu dan Selangor; dan

(c) Kementerian Pendidikan tidak bercadang membina Sekolah Menengah Vokasional di Sepang, tetapi tempat-tempat yang dicadangkan ialah di Rawang dan Kuala Selangor.

**Che Ibrahim bin Mustafa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan yang teliti dari segi pengambilan murid-murid, dari segi pembinaan sekolah dan dari segi perancangan kurikulum untuk disesuaikan dengan aras permintaan perkembangan perindustrian di negara kita.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada untuk mempertingkatkan lagi aliran pendidikan vokasional dan teknik di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pendidikan mencadangkan bahawa beberapa buah Sekolah Menengah biasa dilengkapkan dengan bengkel dan kemudahan yang membolehkan murid-murid mengambil aliran atau mengambil matapelajaran di bidang vokasional dan politeknik. Tambahan pula, di bawah Rancangan Perkhidmatan Baru, iaitu dengan izin, Two-Tier Scheme, Kementerian Pendidikan mencadangkan bahawa beberapa Sekolah Menengah yang layak diberi jawatan tambahan, iaitu jawatan guru kanan dalam aliran matapelajaran vokasional dan teknik untuk menggalakkan dan untuk memperluaskan mutu pengajaran di bidang vokasional dan teknik dan juga untuk menggalakkan lebih lagi pelajar-pelajar mengikuti bidang tersebut.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah kita perlu ada Sekolah Latihan Industri, ITI—Industrial Training Institute, sedangkan mengikut kata Timbalan Menteri tadi bahawa Sekolah Menengah Vokasional sudah pun cukup mempunyai kurikulum yang sesuai dan cukup setelah mereka

habis dan tamat pengajian mereka untuk diserapkan ke dalam industri-industri yang ada di Malaysia. Jadi, mengapakah setengah daripada mereka ini perlu dilatih semuladi Institut Latihan Industri untuk diserapkan ke dalam firma-firma perindustrian yang ada di Malaysia?

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan Sekolah Menengah Vokasional dan Teknik itu selain daripada untuk menyediakan pelajar-pelajar untuk memenuhi keperluan pekerjaan dari segi bidang vokasional, juga untuk melengkapkan mereka dengan pendidikan yang cukup supaya mereka selepas itu boleh melanjutkan pelajaran mereka. Dengan itu, semua pelajar di Sekolah Menengah Vokasional dan Teknik harus mengambil Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional, itu adalah setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia, iaitu setara dengan Tingkatan 5. Selepas itu, jika mereka berhasrat, mereka boleh melanjutkan pelajaran mereka dan tujuan Institut Latihan Perdagangan atau latihan spesifik itu ialah untuk melengkapkan pelatih-pelatih itu dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri-industri yang spesifik.

Jadi, ini ada dua tujuan. Di Sekolah Menengah Vokasional kita melengkapkan mereka dengan satu pendidikan vokasional yang lebih sempurna, yang lebih lengkap dan sekiranya pendidikan yang sempurna, yang lengkap itu tidak memenuhi pengkhususan-pengkhususan atau keperluan yang khusus dan yang diperlukan oleh sektor-sektor industri yang berkenaan, mereka bolehlah dengan kemahiran latar belakang mereka mengikuti dalam satu jangka masa yang pendek, latihan atau program-program spesifik yang membolehkan mereka dalam latihan yang pendek itu dilengkapkan dengan kemahiran yang diperlukan secara spesifik oleh sektor atau oleh syarikat-syarikat tertentu.

## PERUNTUKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI KELANTAN

**6. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyalakan sebab-sebab mengapa sebahagian daripada waran peruntukan pembangunan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kemajuan Negeri kepada Majlis-majlis Daerah di Kelantan pada tahun 1990 ditarik balik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menarik balik sebahagian kecil dari peruntukan di bawah Program Naik Taraf Jalan Kampung bagi Negeri Kelantan Darul Naim pada bulan November 1990 kerana didapati peruntukan yang diluluskan itu tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya. Ini adalah amalan biasa di mana sekiranya didapati sesuatu negeri itu tidak boleh menghabiskan peruntukan yang diberi, ia akan ditarik balik dan boleh pula, sekiranya ada masa, diperuntukkan kepada negeri lain yang berkemampuan membelanjakannya dalam tahun yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Negeri Kelantan hanya berupaya membelanjakan \$13.3 juta atau 65% dari peruntukan \$20.135 juta yang diberi kepadanya. Jumlah yang tidak dapat dibelanjakan ialah \$6.8 juta. Oleh itu penarikan balik waran peruntukan sebanyak \$3.0 juta dari jumlah yang tidak dapat dibelanjakan itu tidak menjejaskan pencapaian pelaksanaan Projek Jalan Kampung di negeri tersebut.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, adakah kerana tidak dapat menghabiskan semua peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan kepada Majlis-majlis Daerah ini secara sekaligus menggambarkan bahawa pentadbiran Majlis Daerah yang lama adalah tidak cekap?

Yang kedua, adakah peruntukan-peruntukan bagi pembangunan Majlis Daerah bagi tahun 1991 di seluruh negeri Kelantan akan diteruskan?

**Dato Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi amalan biasa bahawa ada setengah perancangan itu tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, Kementerian akan mendapatkan maklumat daripada Pegawai Kemajuan Negeri berkenaan.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa peruntukan tersebut telah ditarik balik pada bulan November. Ini bererti bahawa masih ada dua bulan untuk dilaksanakan projek-projek tersebut. Jadi, jawapan itu tidak meyakinkan sedangkan masa untuk melaksanakan projek itu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta kemukakan soalan.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Masih ada dua bulan. Jadi, mengapa ditarik lebih awal, sedangkan kalaulah projek itu tidak dapat dilaksanakan sepatutnya ditarik pada bulan Disember, sedangkan mengikut apa yang saya tahu bahawa peruntukan menaikkan taraf jalan kampung ini tidak perlu ditender. Ia boleh dirunding dan diberikan kepada sesiapa sahaja yang layak mengikut yang sesuai dan mengikut budi bicara pihak Majlis Daerah.

**Dato Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendapat maklumat bahawa pada tahun 1990 Kerajaan Negeri Kelantan hanya mampu melaksanakan 65% daripada peruntukan yang kita beri. Baki yang tidak boleh dilaksanakan adalah \$6.8 juta, kita cuma

ambil balik \$3 juta. Itupun kita menganggap bahawa kalau kita ambil pada bulan November, kita boleh beri kepada negeri lain supaya jangan terlambat sangat kalau wang itu hendak dihabiskan pada penghujung tahun yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-7. Ada sedikit pembetulan, dalam bahagian (a), jumlah permit lori kelas A dan "tanker", bukannya "tender".

#### LORI KELAS A DAN TANKER—JUMLAH PERMIT

**7. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah permit lori kelas A dan tanker yang telah dikeluarkan dalam tempoh 10 tahun kepada orang perorseorangan, persatuan dan syarikat; dan
- (b) dari jumlah tersebut berapakah yang tidak beroperasi dan kenapa keadaan ini berlaku.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Perlu, pembetulan ini telah diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat:

- (a) Sejak 10 tahun yang lepas (1981) jumlah lesen pembawa A yang telah dikeluarkan ialah sebanyak 40,748 lesen. Jumlah lesen lori tanker yang dikeluarkan sama ada sebagai Lesen Pembawa A atau Lesen Pembawa C ialah sebanyak 5,123. Pecahan pengeluaran lesen untuk lori

tanker mengikut orang perorseorangan, persatuan, syarikat termasuk perkongsian adalah seperti berikut:

<i>Kumpulan</i>	<i>Bilangan Lesen Lori Tanker (Pembawa A dan C)</i>
1. Orang Peneorangan	1,115
2. Persatuan	28
3. Syarikat Sdn. Bhd./Bhd.	3,577
4. Perkongsian	403
Jumlah	<u>5,123</u>

Bilangan lesen Pembawa A mengikut orang perseorangan, persatuan dan syarikat pula adalah seperti berikut:

<i>Kumpulan</i>	<i>Bilangan Lesen Pembawa A</i>
1. Orang Perorseorangan	13,571
2. Persatuan	185
3. Syarikat Sdn. Bhd./Bhd.	26,992
Jumlah	<u>40,748</u>

- (b) Daripada sejumlah 40,748 lesen Pembawa A yang telah dikeluarkan, kira-kira 9,670 adalah tidak didaftarkan (tidak beroperasi). Di antara sebab-sebab yang boleh menyebabkan lesen-lesen tidak beroperasi ialah sama ada pengusaha masih belum melesenkan (mendaftar) kenderaan mereka kerana tempoh melesenkan kenderaan adalah selama enam bulan kerana belum memprolehi kenderaan yang ditempah, lesen-lesen tersebut terbatal dengan sendirinya kerana gagal dilesenkan dalam tempoh yang ditetapkan, atau lesen-lesen tersebut telah dibatalkan akibat daripada tindakan kuatkuasa kerana melanggar syarat-syarat lesen seperti menyewa lesen kepada orang lain.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri senaraikan jumlah lesen pembawa A yang sudah dilesenkan oleh JPJ sehingga 30 November 1990 bagi tiap-tiap negeri?

Yang kedua, apakah masalah-masalah penting yang dihadapi oleh Lembaga dan apakah pula langkah-langkah, cadangan-cadangan yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah itu setelah Yang Berhormat mengambilalih Kementerian Perusahaan Awam ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama itu, nampaknya soalan berasingan secara langsung. Yang Berhormat boleh jawab soalan kedua.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama itu boleh diberi tetapi secara bertulis.

Soalan yang kedua, di antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Lembaga Pelesenan ialah mengenai tempoh masa pemrosesan sehingga pengeluaran lesen-lesen baru dan juga masalah membaharui lesen dan ubahsyarat lesen mengambil masa yang agak lama, disebabkan oleh jumlah permohonan lesen baru, membaharui lesen dan juga mengubahsyarat semakin bertambah. Seperti contohnya pada tahun 1989 sebanyak 53,241 permohonan-permohonan baru yang lengkap membaharui dan ubahsyarat yang diterima. Dan sebagai contoh juga, bagi kumpulan untuk memohon lesen pembawa A dan C sahaja, bagi menguruskan permohonan bagi tanggal bulan Jun dan Ogos 1990 adalah sebanyak 25,132. Jadi, akibat daripada bilangan yang sebegini, Lembaga adalah tertekan kerana kekurangan kakitangan setakat ini dan usaha-usaha adalah sedang dilakukan untuk meningkatkan jumlah kakitangan di samping untuk

membawa pengubahsuaian kepada sistem pemrosesan dan daripada sistem manual kepada sistem automation, dengan izin.

Dan juga masalah kedua, ialah ketidakupayaan Lembaga memberikan penekanan ke atas aktiviti-aktiviti menjalankan tugas-tugas pengesanan penilaian ke atas pemegang lesen ataupun lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga ataupun bagi mereka yang menjalankan aktiviti perancangan kerana ketidakupayaan mengambil tindakan ke atas kes-kes kuatkuasa ataupun susulan ke atas kes-kes kuatkuasa.

Selain daripada itu masalah juga kerana LPKP terpaksa membuat beberapa penilaian terhadap Akta LPKP 1987 yang perlu dikaji dan jika perlu, dibuat pindaan sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa. Di antara tindakan yang diambil ialah dengan cara menjadualkan sistem pemrosesan permohonan, lesen secara berkala berkuatkuasa pada 1991 di mana dari bulan Januari hingga Mac 1991 akan cuba diselesaikan semua jenis permohonan lesen-lesen yang tertunggak pada tahun-tahun yang lepas untuk membolehkan permohonan baru diterima dari masa-masa yang ditetapkan dan berkuatkuasa pada 1991 untuk bulan-bulan April hingga Jun dan seterusnya bagi bulan Julai hingga September untuk membolehkan pemrosesan dan menguruskan pertimbangan ke atas permohonan-permohonan ini sebelum memulakan penerimaan baru pada bulan Oktober dan Disember dan seterusnya.

Ini adalah dengan tujuan untuk menyegerakan urusan pentadbiran LPKP bagi membolehkan ia menyelaras dan mengemaskinikan sistem pemrosesan melalui sistem automation dan di back-up atau diasaskan dengan statistik dan data yang kemaskini mengenai status semua jenis lesen-lesen di Semenanjung Malaysia, disamping merujuk kepada Jawatankuasa Pena-

sihat. Keperluan Perkhidmatan Kenderaan Negeri-negeri supaya Lembaga tidak lagi terdesak akibat permohonan yang tidak berkaitan dengan kedudukan demand, dengan izin, dan keadaan keperluan industri pengangkutan itu sendiri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan daripada 40,700 lebih yang diluluskan lesen lori Kelas "A" mencukupi dengan keperluan pengangkutan yang dikehendaki di dalam negara kita sekarang ini dan berapakah jumlah pemohon-pemohon yang masih ada dalam Kementerian sekarang ini.

Kedua, apakah Yang Berhormat sedar bahawa lori-lori Kelas "A" ini kita tengok kebanyakannya comot dan bermacam-macam jenis ada. Jadi, adakah Kementerian hendak membuat syarat seperti teksi sekarang ini supaya "colour" itu satu jenis dan kelihatan lebih cantik dan lebih seksi, (*Ketawa*) kata orang, Orang tengok pun sedap. Sekarang ini bermacam-macam rupa jenis, ada yang kemek, yang herot dan macam-macam ada. Bila masuk dalam bandar Kuala Lumpur kita tidak upaya hendak tengok lori Kelas "A" dengan keadaannya, walaupun sudah diperiksa oleh JPJ setiap 6 bulan sekali.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat sama ada permohonan 40,000 itu adalah berasaskan kepada keperluan kedudukan perkhidmatan kenderaan pada masa ini, itulah sebabnya kita memperkenalkan sistem untuk menye-laraskan segala permohonan yang telah tertunggak sejak tahun-tahun yang lepas untuk membolehkan Lembaga dengan kerjasama Jawatankuasa Penasihat Keperluan Kenderaan di peringkat negeri-negeri menye-laraskan kedudukan statistik dan data-data keperluan setiap lesen-lesen yang kini sudah ada dikeluarkan. Seperti yang telah saya

maklumkan iaitu sejak 10 tahun ia dikeluarkan dan dilesenkan serta didaftarkan oleh JPJ adalah sebanyak 40,740 dan bakinya adalah 9,670 yang tidak beroperasi itu untuk membolehkan Kementerian ini ataupun Lembaga membuat pemerosesan berasaskan kepada keperluan yang lebih mantap dan berasaskan kepada data yang lebih dapat dikemaskinikan.

Berkenaan dengan keadaan lori-lori yang comot, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa penguatkuasaan itu kini dijalankan oleh Bahagian Jabatan Pengangkutan Jalan. Jadi, dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, insya Allah, kedudukan lori-lori itu akan dipertingkatkan supaya, seperti Yang Berhormat hendakkan dan inginkan, iaitu seksi macam Yang Berhormat jugalah. (*Ketawa*)

#### PENGERUSI MAJLIS FATWA KEBANGSAAN—LANTIKAN

**8. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sehingga soalan dibuat, Pengerusi Majlis Patwa Kebangsaan yang baru masih belum dilantik, apakah yang melambatkan perlantikan itu; dan
- (b) apakah kriteriia bagi seseorang untuk menjadi Pengerusi Majlis itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Abdul Hamid bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kelambatan perlantikan Pengerusi Jawatankuasa Patwa Kebangsaan adalah berpunca dari kelewatan mendapatkan calon yang sesuai untuk dilantik menjadi Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal

Agama Islam Malaysia telah menetapkan bahawa Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islamn Malaysia dari antara ahli-ahlinya.

- (b) Untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Fatwa seseorang itu hendaklah seboleh-bolehnya berpengetahuan yang luas dan mendalam tentang Islam, mempunyai sifat dan peribadi yang unggul yang bolch menjadi teladan dan ketokohnya mendapat pengiktirafan dan diterima oleh masyarakat umum.

**Wan Mohamad Jamil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Apakah semua perkara yang akan dilakukan oleh Kerajaan dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan dan kenapa?

Apakah bidang tugas Majlis Fatwa dan adakah setiap perkara yang diputuskan oleh Majlis Fatwa mesti dilcrima oleh Kerajaan?

Bersetujukah. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berapa banyakkah soalan yang dikeluarkan satu, satu, (*Ketawa*) macam machine-gun. Yang Berhormat dibenarkan hanya dua soalan sahaja.

**Dato' Dr Abdul Hamid bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, tugas Majlis Fatwa ialah menimbangkan perkara-perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-raja.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan tadi, iaitu belum ada lagi calon yang sesuai untuk jawatan Pengerusi Majlis Patwa ini. Jadi, saya ingin tanya, walaupun belum ada yang sesuai, bilakah masanya Pengerusi ini akan dilantik?

**Dato' Dr Abdul Hamid bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menentukan tarikhnya, tetapi saya boleh memberi jaminan bahawa ia adalah secepat mungkin.

#### JEMAAH MENTERI— MENGISYTIHARKAN HARTA

**9. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakub** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau akan meneruskan amalan minta anggota-anggota Jcmaah Menteri untuk mengisytiharkan harta masing-masing;
- (b) adakah beliau bercadang untuk memaklumkan laporan perisytiharan tersebut kepada umum; dan
- (c) jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, semua anggota Jemaah Menteri, termasuk Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Politik dikehendaki mengisytiharkan harta masing-masing tiap-tiap dua tahun sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Harta-harta yang diisytiharkan bukan sahaja harta kepunyaan persendirian tetapi juga harta-harta kepunyaan isteri atau isteri-isteri dan anak-anak mereka. Anggota-anggota Pentadbiran adalah dikehendaki mengisytiharkan harta masing-masing bagi menjauhkan dari tuduhan berlakunya penyelewengan di kalangan mereka.

Yang Amat Berhormat Perdana Mcentri tidak bercadang untuk memaklumkan laporan pengisytiharan harta oleh Anggota-anggota Pentadbiran bagi pengetahuan umum. Ini adalah kerana pengisytiharan itu adalah untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja.

**Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed:** Soalan tambahan. Yang periam, adakah arahan untuk mengisytiharkan harta oleh Menteri dan Timbalan Menteri dalam tempoh dua tahun sekali itu adalah suatu arahan tetap dan wajib atau arahan budi bicara.

Kedua, semenjak arahan ini dikeluarkan berapakah Menteri yang sudah mengisytiharkan dan berapa yang belum mengisytiharkan dan yang belum itu apa tindakan yang telah diambil.

Ketiga. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup dua sahaja.

**Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed:** Ringkas sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, soal mengisytiharkan harta ini ialah tetap iaitu setiap dua tahun sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengeluarkan arahan kepada semua anggota pentadbiran untuk mengisytiharkan harta mereka dan diperlukan bersumpah di hadapan seorang Hakim atau Magistret atau seorang Pesuruhjaya Sumpah.

Keduanya, semua anggota Jemaah sudah mengisytiharkan harta mereka.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah pengisytiharan harta bagi Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen hanya kepada Perdana Menteri sahaja, kenapa tidak kepada umum, di mana masyarakat umum dapat menentukan sama ada harta-harta itu didapati dengan cara yang betul?

Kedua, mengapa Kerajaan tidak bercadang supaya semua Ahli-ahli

Parlimen termasuk Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Setiausaha-setiausaha Sulit atau tidak Sulit dan Ahli-ahli Parlimen seperti kita, termasuk parti Pembangkang, patut diwajibkan untuk mengisytiharkan harta-harta mereka kepada umum?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi bahawa, pertama, kita tidak mengumumkan kerana pengisytiharan harta daripada anggota Pentadbiran hanyalah untuk simpanan dan rujukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kalau sekiranya ada terdapat complaint daripada DAPkah, 46kah, PASKah atau daripada UMNO, jadi Perdana Menteri akan merujuk balik kepada pengisytiharan harta itu bagaimana tambahan harta itu berlaku. Ini dapat dilakukan daripada Menteri.

Yang keduanya, saya lelah menjelaskan juga bahawa hanya untuk simpanan dan kalau DAP hendak isytiharkan harta, isytiharkanlah pada Setiausaha Agung DAP, cukuplah.

#### BIL TELEFON— BANTAHAN BAYARAN

**10. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejak penswastan Jabatan Telekom:-

- (a) jumlah bantahan mengenai bayaran bil telefon yang telah diterima;
- (b) jumlah bantahan yang telah diterima dan tolak setelah siasatan dibuat; dan
- (c) sebab-sebab bagi bantahan yang ditolak.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajul Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang

di-Pertua, bantahan-bantahan bil teletbn yang diterima sejak tahun 1987 sehingga September 1990 adalah seperti berikut:

	1987	1988	1989	Sehingga September	Sehingga 1990
Panggilan Jauh Bermeter	30,271	38,143	26,320	16,007	
Panggilan Jauh Bertiket	4,031	4,437	2,771	1,360	
Panggilan Antara- bangsa Bertiket	889	993	1,112	573	
<b>JUMLAH</b>	<u>33,211</u>	<u>43,377</u>	<u>30,210</u>	<u>17,942</u>	

Bila Jabatan Telekom Malaysia mengendalikan urusan Telekom satu kajian khas telah dibuat dalam tahun 1984 untuk menentukan jumlah aduan yang telah ditolak selepas siasatan dibuat. Dalam kajian itu, dari sejumlah 41,568 bantahan telah diterima dan 4,904 atau 11.8% didapati berasas dan diberi pncyclarasan.

STM sebagai syarikat swasta tidak mengumpulkan data seperti ini. Saya telah meminta Syarikat Telekom membuat kajian baru dan mengemukakan angka-angka yang terakhir mengenai perkara ini.

Scbab-sebab bantahan ditolak selepas siasatan adalah seperti berikut:

- (i) Pelanggan kediaman menggunakan telefon untuk perniagaan,
- (ii) Pelanggan yang tidak faham bagaimana tuntutan meter dikenakan.
- (iii) Pelanggan kediaman di mana kenaikan tuntutan bermeter kurang daripada 100% daripada purata bil sebelum atau jangkaan selepas bulan sungutan.

(iv) Pelanggan telefon petiduit bersewa di mana hasil penyiasatan tidak dapat sebarang kerosakan atau kesislapan.

(v) Telefon petiduit awam yang diselenggara oleh Uniphone Sdn. Bhd. di mana hasil penyiasatan tidak terdapat sebarang kerosakan atau kesislapan.

(vi) Sungutanbilbagibulandimana meteri diuji.

(vii) Sungutan daripada pelanggan teletonnya sudah dipotong.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa sekarang ini banyak terdapat kes-kes telefon ditape oleh pihak tertentu terutama sekali telefon yang dipunyai oleh pemimpin-pemimpin politik daripada parti Pembangkang.

Yang kedua, sekarang ini juga bila kita berbual dengan telefon, ada kadang-kadang banyak suara. Bila kita bercakap dengan isteri kita, ada suara wanita lain pula kadang-kadang itu sedang bercinta melalui telefon, seolah-olah dia bercakap dengan kita. Jadi, kenapa teleton kadang-kadang banyak suara?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan ini tidak bersangkutan dengan soalan asal.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** (b), Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa oleh kerana banyak kawasan belum menikmati sistem auto-billing, bil telefon mereka tidak mengandungi butir-butir untuk panggilan telefon masing-masing dan juga sebarang bantahan mesti dihantar ke pusat pejabat Telekom dan oleh yang demikian, bantahan-bantahan dilayan amat lewat. Kalau ya,

bolehkah Yang Berhormat memberi tahu Dewan yang mulia ini, bilakah kawasan di seluruh negara kita akan menikmati sistem auto-billing supaya bantahan seperti ini akan dikurangkan?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, proses untuk membuat auto-billing untuk seluruh negara akan dipercepatkan. Bagaimanapun, kalau ada pelanggan-pelanggan telefon yang ingin untuk mendapatkan itemised billing ataupun bil terperinci, maka mereka boleh membayar \$1.00 tambahan sebulan kepada bayaran bil telefon mereka untuk mendapatkan itemised billing ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada satu daripada sebab mengapa bantahan diterima - tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab sebab-sebab bagi bantahan yang ditolak-adalah termasuk orang lain, orang-orang tertentu sama ada dalam STM atau mungkin telephone hackers, dengan izin, telah menggunakan sistem telefon dan menggunakan talian orang-orang lain yang menyebabkan bayaran bil telefon ini terlalu tinggi. Adakah satu daripada sebab itu disebabkan oleh penyelewengan sebegini, dan kalau begitu, adakah ini berleluasa dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa ia tidak berulang kali kerana saya sebagai Wakil Rakyat sering mendapat aduan mengenai perkara ini yang berlaku di mana panggilan yang didakwa dibuat bukanlah dibuat oleh dia tetapi dibuat oleh orang lain tetapi tidak tahu macam mana. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang kedua, dari negeri manakah bantahan mengenai bayaran bil telefon ini yang terbanyak diterima? Sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada angka-angka sebegini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa tidak ada penyelewengan yang berlaku di dalam perkara ini di kalangan kakitangan Syarikat Telekom Malaysia ataupun Jabatan Telekom tetapi apa yang mungkin berlaku ialah penyelewengan ini dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, kemungkinan juga daripada public ataupun orang awam sendiri. Berkenaan dengan masalah itu juga, sebagaimana yang kita lihat, kalau misalnya panggilan jauh bermeter pada lahun 1987, kita mendapati 50,271 bantahan tetapi bantahan ini telah berkurangan kepada 16,007 pada tahun 1990. Ini menunjukkan bahawa sejak Syarikat Telekom Malaysia diperbadan dan diswastakan ia telah didapat mengurangkan bantahan-bantahan yang diterima daripada orang ramai dan sejak kebelakangan ini, oleh kerana kita ada itemised billing maka pelanggan-pelanggan boleh menyemak sendiri bil-bil telefon yang mereka terima dan oleh kerana mereka berpuas hati, saya merasakan itulah sebabnya bantahan-bantahan yang diterima makin berkurangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Wong Sing Nang.

**Tuan Wong Sing Nang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11 sudah dijawab di Dewan yang mulia ini.

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA HAK ASASI MANUSIA

**12. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula semua undang-undang yang dianggap melanggar asas-asas demokrasi dan hak-hak asasi manusia supaya imej Malaysia menjadi lebih baik di peringkat antarabangsa.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang

sentiasa peka dan memastikan bahawa semua undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia adalah sesuai dan memenuhi keperluan negara ini yang bercorak berbilang kaum, bahasa, agama dan kebudayaan. Semua undang-undang negara ini adalah digubal berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi negara atau, dengan izin, supreme law.

Hak-hak asasi manusia adalah terjamin dan dipelihara di bawah Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya mana-mana undang-undang didapati melanggar asas-asas demokrasi dan hak-hak asasi manusia, perkara ini bolehlah dirujuk ke mahkamah untuk memutuskannya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, adakah Kerajaan Barisan Nasional ada kepercayaan dalam U.N—Universal Declaration of Human Rights? Jikalau ya, bagaimana Kerajaan dengan ikhlas reconcile apa yang ada dalam peruntukan Universal Declaration of Human Rights dengan apa yang ada dalam peruntukan ISA. Contohnya, di mana satu orang boleh ditahan tanpa percibaraan dalam mahkamah. Bolehkah saya dapat tahu, adakah percibaraan terdahulu, jikalau ada, bolehkah reconcile dengan keadaan sekarang ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini dua minggu yang lepas saya telah bertemu dengan dua orang wakil Human Rights yang datang satu daripada London, dan satu daripada Filipina. Saya sendiri telah berbincang dengan panjang lebar tentang Human Rights yang ada dan undang-undang ISA negara ini, dan nampaknya mereka benar-benar merasakan bahawa Kerajaan menjalankan undang-undang ini dengan penuh tanggungjawab, (*Tepuk*) dan mereka telah mengatakan bahawa negara-negara lain adalah lebih dahsyat daripada negara ini. (*Tepuk*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah ada rancangan

Kerajaan untuk mengkaji semula supaya mengetatkan sedikit undang-undang supaya pihak Pembangkang tidak terlalu mengambil kesempatan untuk menimbulkan.....

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Janganlah ganggu. Saya hendak tanya sahaja, (*Ketawa*) supaya pihak Pembangkang tidak mengambil kesempatan dengan demokrasi ini untuk menghasut rakyat kita yang berbilang kaum.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memikirkan undang-undang yang ada di negara ini sudah mencukupi untuk menampung kehendak-kehendak yang ada dalam negara ini.

#### DUTA KHAS MALAYSIA KE PBB—PERLANTIKAN DATO' MUSA HITAM

**13. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa perlantikan Dato' Musa Hitam sebagai Duta Khas Malaysia ke PBB adalah satu strategi Kerajaan untuk merintis jalan dan memainkan peranan ke arah membolehkan Dato' Seri Dr Mahathir menjadi Setiausaha Agung badan dunia itu apabila beliau bersara dari Perdana Menteri Malaysia kelak.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak benar.

#### POLISI TELEKOMUNIKASI KEBANGSAAN

**14. Wan Omar bin Wan Najib** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan setakat manakah kemajuan ke arah pembentukan Polisi Telekomunikasi Kebangsaan (PKT) dan bilakah polisi ini dapat diumumkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan Polisi Telekomunikasi Kebangsaan adalah di peringkat terakhir.

Pihak Kerajaan telah meminta pandangan-pandangan daripada sektor swasta dan agensi-agensi Kerajaan di dalam rangka polisi ini yang akan diumumkan apabila siap kelak.

Pihak swasta yang telah ditemui dan telah memberi pandangan adalah seperti berikut:

- (i) MATA (Malaysian Telecommunication Association) meliputi Scicom, Sapura dan Paging Operators dan lain-lain, Syarikat Telekom Malaysia dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM)
- (ii) Agensi-agensi Kerajaan yang diminta pandangan secara bertulis pada 19-9-1990 dan yang telah memberi pandangan adalah seperti berikut:
  - (a) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar;
  - (b) Kementerian Pengangkutan Malaysia;
  - (c) Institut Teknologi Malaysia;
  - (d) Universiti Teknologi Malaysia;
  - (e) MIMOS (Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia);
  - (f) MIDA; dan
  - (g) MAMPU.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ahmad bin Nor.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, pembetulan sedikit. Maksud bayaran itu ialah, 'bayaran lesen radio dan televisyen'. Soalan No. 15.

## RADIO DAN TELEVISYEN— BAYARAN LESEN

**15. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Penerangan menyatakan oleh sebab radio dan televisyen digunakan secara meluas bagi kepentingan Kerajaan dan pihak penaja iklan-iklan yang dikenakan bayaran yang tinggi, sampai bilakah Kerajaan mahu hentikan bayaran lesen radio dan televisyen yang dipungut dari pengguna-pengguna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman);** Tuan Yang di-Pertua, radio dan televisyen memang digunakan secara meluas bagi kepentingan Kerajaan dan rakyat. Iklan-iklan diizinkan melalui siaran radio dan televisyen adalah kerana ia selaras dengan amalan ekonomi pasaran bebas, dengan izin, free enterprise, dan bertujuan untuk menjadi salah satu daripada punca hasil radio dan televisyen, tetapi masih belum mampu membiayai keseluruhan kos penyiaran.

Kerajaan telahpun memansuhkan lesen radio mulai 1-1-1991 dan langkah ini adalah wajar serta memadai untuk membantu masyarakat berpendapatan rendah menikmali siaran-siaran radio. Namun Kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan pembayaran lesen televisyen kerana kadar lesen yang dikenakan pada masa kini tidak sekali-kali membebankan rakyat umum. Kadar lesen yang dibayar di negeri ini adalah di antara yang paling rendah kalau dibandingkan di antara negara-negara di rantau ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa pertanyaan sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 18 adalah diberi dibawah ini.)*

## REGIM FIJI

**16. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan pendirian tegas Kerajaan ke atas regim perkauman Afrika Selatan mengapakah ia (Kerajaan) tidak mengutuk regim Fiji kerana memperkenatkan satu perlembagaan bersifat perkauman yang dengan jelas mendiskriminasi masyarakat etnik India di Fiji.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip tidak campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri mana-mana negara, sepertimana kita tidak ingin mana-mana negara lain mencampuri hal ehwal dalam negeri Malaysia. Selain dah membuat rayuan supaya apa-apa perselisihan yang berlaku sekarang di banyak negara diselesaikan secara aman dan damai, kita tidak membuat ulasan yang mungkin ditafsirkan sebagai campurtangan. Demikianlah halnya yang dengan perlembagaan baru Fiji itu.

Saya merasa hairan dengan Ahli Yang Berhormat yang scolah-olah memperkecilkan isu Apartheid di Afrika Selatan, dan cuba membuat persamaan dengan apa yang terdapat di Piji. Apartheid dikutuk oleh seluruh dunia kerana regim Afrika Selatan menindas rakyat majoriti kulit hitam secara menyeluruh, baik dari segi hak-hak politik mahupun ekonomi dan sosial. Tambahan pula, kestabilan negara-negara jiran telah diancam oleh regim Afrika Selatan oleh sebab dasar Apartheid itu.

## SETINGGAN DI KAWASAN BANDAR

**17. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah setinggan-setinggan yang terdapat di seluruh negara;

(b) apakah langkah jangka pendek Kementerian untuk mengatasi masalah penduduk-penduduk setinggan di kawasan-kawasan bandar; dan

(c) apakah rancangan jangka panjang Kementerian untuk menghapuskan masalah setinggan.

**Dr Ting Chew Peh:** Bilangan setinggan selain dari kawasan Kuala Lumpur tidak direkod oleh agensi-agensi Kerajaan Pusat. Ini ialah kerana masalah setinggan adalah berkaitan dengan isu menduduki tanah secara haram dan isu tanah adalah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri.

Oleh kerana Kuala Lumpur adalah Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada membuat banci penduduk setinggan. Pada tahun 1989, lerdapal seramai 186,249 orang setinggan. Bilangan setinggan di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur sebenarnya makin menurun hasil usaha Dewan Bandaraya menempatkan semula mereka.

Memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk menempatkan setinggan-setinggan di dalam kawasan perumahan yang sempurna bagi kawasan luar dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kerajaan Persekutuan ada memberi pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembinaan perumahan Awam Kos Rendah. Di samping itu, masing-masing Kerajaan Negeri ada rancangan-rancangan sendiri.

## PEMBUNUHAN MUSTAKIZAH — PENYIASATAN

**18. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah perkembangan terakhir berhubung dengan penyiasatan kes Mustakizah;

- (b) apakah halangan-halangan yang dihadapi hingga menyebabkan kes ini sukar untuk diselesaikan; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk menutup kes tersebut. Jika tidak, mengapa pendakwaan tidak dibuat sehingga kini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sepertimana yang telah saya jawab semasa menjawab dalam peringkat Jawatankuasa Peruntukan Tambahan, bahawa kes ini masih lagi dalam penyiasatan pihak Polis. Pihak Polis adalah bebas menjalankan penyiasatan berdasarkan undang-undang yang ada. Oleh kerana penyiasatan masih lagi diteruskan, kes ini belum lagi boleh dikemukakan ke mahkamah.

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI-DEPOSITORI PUSAT)**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan depository-depository pusat dan pendepositan, pemegang pengeluaran dan urusniaga-urusniaga sekuriti yang didepositkan dengannya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN)**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (4hb Februari, 1991)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sila sambung.

*3.36 ptg.*

**Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya menyambung ucapan saya.

Dengan lain perkataan, kesatuan-kesatuan dalam sektor ini tidak dibenarkan bergabung dengan persekutuan kesatuan sekerja yang keanggotaannya terdiri daripada Kesatuan-kesatuan yang mewakili pegawai-pegawai Kerajaan. Memandangkan semua kakitangan Kerajaan, badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan menikmati skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang serupa yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa, maka dicadangkan supaya kesatuan-kesatuan dalam badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan dibenarkan bergabung dengan sesebuah persekutan kesatuan sekerja bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang sedia ada seperti CUEPACS.

Cadangan pindaan ini bukan bererti kesatuan-kesatuan badan berkanun dan kuasa tempatan terpaksa bergabung dengan CUEPACS atau terpaksa keluar

dari MTUC, tetapi hanya bertujuan membuka satu peluang lagi bagi kesatuan-kesatuan, badan-badan berkanun dan kuasa tempatan untuk bergabung. Pindaan ini juga akan memberi peluang kepada pekerja-pekerja sektor awam untuk disatukan di bawah satu umbrella organisation, dengan izin, untuk perwakilan yang lebih berkesan bagi pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam. Namun demikian soal sama ada mereka hendak bergabung dengan CUEPACS adalah satu perkara yang akan diputuskan sendiri oleh ahli-ahli kesatuan berkenaan.

Di mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan pada 19hb Julai 1990 yang lalu pindaan yang dicadangkan itu telah dibincangkan dan dipersetujui. Dalam mesyuarat itu wakil-wakil CUEPACS telah menyambung baik cadangan pindaan itu. Wakil-wakil MTUC pula tidak ada bantahan terhadap cadangan pindaan itu pada dasarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan saya yakin pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini sudah tentu akan mendatangkan manfaat kepada pekerja-pekerja di negara ini khususnya pekerja-pekerja dalam sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Bayan Baru.

3.39ptg.

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Rang Undang-undang (Pindaan)

kepada Akta Kesatuan Sekerja tahun 1959, sebenarnya pindaan ini perlu dari apa yang telah dikemukakan ataupun telah dipohonkan oleh Menteri berkenaan.

Sebenarnya kita memerlukan pindaan-pindaan yang berhubung dengan kuasa-kuasa yang telah diberi oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja yang begitu amat luas, dan begitu amat keterlaluan dalam mengawal ataupun menjaga kepentingan Kesatuan Sekerja umumnya. Di samping itu juga pindaan perlu dibuat kepada pendaftaran kesatuan sekerja, pengiktirafan kesatuan sekerja, pendaftaran kesatuan kebangsaan, pendaftaran kepada persatuan kesatuan sekerja.

Menyentuh tentang Fasal 2 yang telah dikemukakan sebagai pindaan berhubung dengan seksyen 27 Akta Kesatuan Sekerja 1959, kita dapati bahawa tujuan Kementerian Sumber Manusia adalah untuk memberi peluang bagi pekerja-pekerja yang menjadi anggota kepada Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan untuk bergabung di bawah satu payung persekutuan iaitu Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Sebenarnya cadangan ini bukanlah satu perkara baru, ia telahpun dikemukakan beberapa tahun yang lalu walaupun semasa itu Yang Berhormat Menteri belum lagi menjadi Menteri di dalam Kementerian. Di samping itu kita juga lihat ada lain-lain cadangan selain daripada membenarkan pekerja-pekerja dalam Kesatuan Sekerja Badan-badan Berkanun, Kuasa-kuasa Tempatan untuk bergabung dengan CUEPACS, ada juga permintaan untuk membenarkan pekerja-pekerja dalam badan-badan berkanun khususnya untuk menubuhkan persatuan mereka sendiri. Walaupun undang-undang tidak melarang mereka daripada menubuhkan persatuan sendiri tetapi sehingga hari ini Kementerian

Sumber Manusia tidak mengizinkan mereka ini menubuhkan persatuan di bawah Akta Kesatuan Sekerja. Begitu juga Kuasa-kuasa Tempatan yang hari ini mereka bernasib baik kerana mereka mempunyai Kesatuan Kebangsaan yang mana tidak boleh dianggap sebagai satu Persekutuan Kesatuan Sekerja tetapi adalah merupakan Kesatuan Kebangsaan ataupun dengan ringkas, ANULAE yang mewakili pekerja-pekerja di dalam Kuasa-kuasa Tempatan.

Saya berharap di samping kita bersetuju dengan pindaan Akta ini iaitu berhubung dengan seksyen 27, kita juga berharap Kerajaan akan tidak menganaktirikan mereka yang ingin menubuhkan persatuan masing-masing. Kebebasan untuk berpersatuan bagi pekerja-pekerja di negara ini haruslah dihormati. Selama ini yang kita tahu setakat ini CUEPACS adalah sebuah Persekutuan Kesatuan Sekerja yang ada di negara ini yang berdaftar di bawah Akta Kesatuan Sekerja, tidak ada lain-lain persatuan. Selain daripada itu kita mempunyai MTUC sepertimana yang disebutkan tadi adalah sebuah Pusat Kbangsaan Buruh yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan dan baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan penubuhan Pertubuhan Buruh Malaysia (MLO) yang mana tujuan dan peranannya tidak ada bezanya dengan kedudukan MTUC.

Kalau Kerajaan boleh membenarkan MLO ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan untuk bersaing dengan MTUC, saya tidak nampak apa sebab jika sekiranya ada pekrja-pckerja di dalam sektor awam khususnya mereka dari badan-badan berkanun, kalau mereka mahu menubuhkan Persatuan Kesatuan Sekerja sendiri, mengapakah sehingga hari ini Kementerian Sumber Manusia telah menjadi penghalang kepada usaha-usaha itu.

Di samping itu saya berharap Kementerian Sumber Manusia akan memberi perhatian kepada lain-lain

cadangan untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja yang telah dikemukakan oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja melalui NLAC atau National Labour Advisory Council, dengan izin, bukan sahaja pindaan ini yang telah dicadangkan ataupun telah dengan sendirinya diterima oleh pihak pekerja, malahan lain-lain undang-undang ataupun seksyen-seksyen yang terdapat di dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 ini, banyak yang mengongkong dan menyusahkan pcrjalanan pcrgrakan Kesatuan Sekerja di negara ini.

Kita berharap dengan pindaan ini mereka yang ingin bergabung dengan CUEPACS juga tidak dihalang untuk bergabung dengan badan-badan lain seperti MTUC sepenimana yang disebutkan tadi dan kiia juga berharap jika sekiranya ada permohonan untuk menubuhkan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang lain, maka ia juga tidak akan menjadi halangan bagi pihak Kementerian Sumber Manusia untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

3.46 *ptg.*

**Tuan Ruhanie bin Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam mcnyokong pindaan kepada seksyen 27 (3) (b) ini, saya ingin menyatakan bahawa pindaan ini mempunyai motif yang murni kerana ia akan membolehkan sekurang-kurangnya kalau mereka memilih sebanyak 85 buah Kesatuan Sekerja dalatn badan-badan berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh tanahair yang mcmpunyai seramai 107,960 orang itu untuk bergabung dengan satu Persekutuan Kesatuan Sekerja berdaftar yang terdiri daripada Kesatuan-kesatuan Sekerja Pegawai Awam, khususnya CUEPACS.

Sayarasa ini adalah satu pindaan yang memberi saluran kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja di dalam badan-badan berkanun dan penguasa-penguasa tempatan untuk membuat satu alternatif

di dalam pergerakan mereka. Kalau selama ini mereka tidak diizinkan untuk bergabung dengan kesatuan-kesatuan yang mempunyai matlamat dan hasrat yang hampir serupa iaitu persatuan yang terdiri daripada kakitangan awam, hari ini Kerajaan membuka satu saluran kepada mereka. Walaupun keahlian ataupun keanggotaan kesatuan-kesatuan dalam Penguasa-penguasa Tempatan dan badan-badan berkanun ini di dalam CUEPACS bukan satu yang compulsory, ataupun satu yang dimestikan oleh kerana mereka masih lagi mempunyai alternatif untuk bergabung dengan mana-mana gabungan kesatuan sekerja, harapan saya ialah supaya kesatuan-kesatuan ini mengambil kesempatan untuk masuk ke dalam gabungan yang disediakan iaitu CUEPACS.

Oleh kerana selama ini pun sebagaimana yang ditegaskan oleh Menteri dan sudah menjadi pengetahuan umum bahawa mereka ini adalah kakitangan agensi-agensi yang dicipta dan diwujudkan oleh Kerajaan, tempat mereka bekerja ini adalah agensi-agensi yang memajukan matlamat perjuangan Kerajaan. Jadi seharusnya kalau kita lihat dari segi tuntutan moral), ahli-ahli ini seharusnya dengan jalan yang dibuka oleh Kerajaan ini terus dan sekaligus masuk dalam Gabungan Kesatuan Sekerja yang disediakan oleh Kerajaan.

Harapan saya masuklah dengan seberapa segera dan apabila mereka masuk ke dalam gabungan yang disediakan oleh Kerajaan ini, tinggalkanlah segala budaya unionisme yang negatif yang mungkin diwarisi ataupun diperolehi ataupun ditanamkan ke dalam persatuan mereka menerusi jalan-jalan yang lain yang mereka dapati dari gabungan-gabungan Kesatuan Sekerja yang lain.

Umpamanya, apabila badan-badan Kesatuan Sekerja daripada Penguasa Tempatan dan Badan Berkanun ini memilih untuk bergabung dengan

CUBPACS, tinggalkanlah segala budaya konfrantasi, tinggalkan segala budaya permusuhan di antara pekerja dan majikan, tinggalkan budaya menegenepikan konsensus di mana pemimpin-pemimpin beberapa gabungan kesatuan sekerja kelihatan kebelakangan ini ataupun pada tahun lalu telah mengenenepikan mesyuarah atau muafakat ahli-ahlinya apabila mereka dengan secara angkuhnya membuat pengumuman tanpa segan-silu bahawa mereka akan menyokong parti-parti Pembangkang.

Kepada saya, saya seru dan saya alu-alukan, kalau boleh, masuklah ke dalam gabungan kesatuan sekerja Kerajaan, tinggalkan segala budaya-budaya itu dan pada waktu yang sama mereka harus masuk dengan satu sikap dan attitude yang membina. Mereka harus sama-sama memikirkan dan memberi sumbangan bagaimanakah mereka umpamanya boleh memainkan peranan di dalam meningkatkan produktiviti, bagaimanakah umpamanya mereka boleh memainkan peranan untuk mencari dan meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan aspirasi cita-cita Kerajaan untuk menjadikan pentadbiran dan pemerintahan ini pentadbiran yang cekap, berkesan, pentadbiran yang berorientasikan rakyat, Kerajaan yang berorientasikan rakyat dan juga selaras dengan cita-cita Kerajaan supaya negara ini menjadi negara yang kukuh dan generasi Malaysia menjadi generasi yang bermaruah,

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apabila kita membincangkan pindaan ini tidak payah lagi difikirkan perkara-perkara yang lain. Kalau sahabat saya daripada DAP telah menyuarakan pandangannya, saya juga ingin bertanya relevant dengan perkara ini, saya ingin merujuk kepada seksyen 28 (1) (c) (i) yang di mana secara kasarnya dalam Bahasa Malaysia, memperuntukkan bahawa tidak ada ahli-ahli eksekutif mana-mana kesatuan sekerja atau

gabungannya atau cawangannya boleh memegang jawatan itu sekiranya mereka menjadi mana-mana office bearer, dengan izin, pertubuhan politik ataupun bekerja dengan mana-mana organisasi politik. Dalam hal ini, selaras dengan harapan saya supaya kesatuan-kesatuan sekerja, khususnya gabungan kesatuan sekerja dalam perkhidmatan awam supaya memainkan peranan yang lebih positif di dalam menyahut seruan Kerajaan untuk mewujudkan kepimpinan yang cemerlang, pemerintahan yang cemerlang. Saya ingin bertanya, merujuk kepada seksyen 28 (1) (c) (i) adakah di dalam rekod Kementerian Sumber Manusia, mana-mana ahli eksekutif kesatuan sekerja ataupun cawangannya ataupun mana-mana ahli eksekutif gabungan-gabungan kesatuan sekerja yang hari ini menjadi office bearer kepada mana-mana pertubuhan politik ataupun mereka juga menjadi seorang yang bekerja dengan mana-mana organisasi politik.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.55ptg.

**Dato' Lim Ah Lek:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada dua Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat kawasan Bayan Baru dan Yang Berhormat dari Parit Sulong yang ialah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang memberi jawapan kepada semua teguran yang dibangkitkan itu. Bagaimanapun, saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Sumber Manusia akan memberi perhatian terhadap teguran-teguran itu dan teguran-teguran yang membina saya memberi jaminan

bahawa Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul yang berkaitan dengan pindaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan di sini bahawa cadangan untuk meminda seksyen 27 (3) (b) Akta Kesatuan Sekerja 1959 ialah untuk membolehkan kesatuan-kesatuan badan berkanun, termasuk penguasa tempatan bergabung dengan CUEPACS. Menurut kedudukan undang-undang sekarang kesatuan-kesatuan dalam sektor Kerajaan dibenarkan bergabung dengan CUEPACS dan juga MTUC. Jadi, apa yang saya tegaskan semasa saya membentangkan atau memberi ucapan semasa saya membentangkan Rang Undang-undang itu, saya telah memberitahu kepada Dewan yang mulia ini iaitu keputusan untuk sama ada mereka bergabung dengan CUEPACS atau MTUC akan diputuskan sendiri oleh ahli-ahli kesatuan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat dari kawasan Bayan Baru bahawa Kerajaan sepatutnya memberi pertimbangan atas permohonan supaya kesatuan-kesatuan penguasa tempatan atau badan berkanun diberi kebenaran untuk menubuhkan kesatuan Persekutuan. Saya suka memberi penjelasan di sini iaitu kesatuan-kesatuan badan berkanun dan penguasa tempatan, sebagaimana yang diketahui, pernah memohon dahulu untuk menubuhkan satu badan gabungan sendiri atas nama FUESLA pada tahun 1972, tetapi permohonan itu telah ditolak di bawah Akta Pertubuhan 1966. Kemudian dalam tahun 1982, kesatuan-kesatuan badan berkanun dan penguasa tempatan telah memohon untuk menubuhkan sebuah Persekutuan FUESLA di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959, tetapi permohonan itu telah juga ditolak atas alasan persekutuan tersebut unregistrable, dengan izin, di bawah Akta itu kerana keanggotaannya terdiri daripada

kesatuan-kesatuan mewakili berbagai industri. Mengikut undang-undang, keanggotaan sesebuah persekutuan mestilah terdiri daripada kesatuan-kesatuan dalam industri yang sama. Jadi, kalau industri yang tidak sama, mereka tidak boleh atau tidak diberi kebenaran untuk menubuhkan persekutuan. Jadi, memandangkan hakikat ini, Kerajaan telah bersetuju membenarkan kesatuan-kesatuan badan berkanun dan penguasa tempatan memasuki CUEPACS dan keputusan Kerajaan.....

**Tuan Ahmad bin Nor: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Bayan Baru bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Lim Ah Lek:** Bolehlah.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi ini saya rasa amat anih sedikit. Kalau mereka bukan di dalam bidang industri yang sama, sepertimana yang disebutkan tadi, pekerja-pekerja dalam sektor badan-badan berkanun ataupun penguasa-penguasa tempatan masakan mereka ini boleh dibenarkan bergabung dengan CUEPACS yang mana perbezannya lebih jauh kalau hendak dibandingkan pekerja-pekerja yang bekerjasama di dalam badan-badan berkanun ataupun pekerja yang bekerja sama-sama dalam penguasa-penguasa tempatan. Itu tidak dibenarkan dan sekarang mereka semua dibenarkan bergabung dengan CUEPACS. Ini satu jawapan, penjelasan yang amat anih.

Yang Berhormat Menteri mungkin ada sebab-sebab lain. Jadi, saya minta beliau tolong memberi penjelasan yang lebih jelas dalam perkara ini.

**Dato' Lim Ah Lek:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar permohonan daripada kesatuan-kesatuan yang mahu menubuhkan satu Persekutuan. Jadi, memang saya suka memberi penjelasan di sini bahawa sepertimana yang saya tegaskan sebelum ini, permohonan itu telahpun ditolak oleh pihak Kerajaan.

Dan setakat ini, Kerajaan belum bercadang hendak menimbangkan semula penubuhan Persekutuan bagi kesatuan-kesatuan badan berkanun di peringkat ini. Jadi, sama ada pihak Kerajaan akan memberi pertimbangan atas permohonan tersebut, lerpulanglah kepada kesatuan di bawah badan berkanun untuk memohon dan juga terpulang kepada Kerajaan sama ada hendak memberi pertimbangan atau sebaliknya atas permohonan itu.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang, keanggotaan sesebuah persekutuan mestilah terdiri daripada kesatuan-kesatuan dalam industri yang sama seperti yang saya katakan tadi. Jadi, memandangkan hakikat ini, Kerajaan telah bersetuju membenarkan CUEPACS untuk bergabung dan memasukkan kesatuan-kesatuan badan berkanun dan penguasa tempatan dalam CUEPACS, dan keputusan Kerajaan ini sepatutlah hendak dilihat sebagai membuka satu pintu lagi kepada kesatuan-kesatuan di bawah badan-badan berkanun dan penguasa Tempatan untuk bergabung.

Setakat ini sahaja yang dapat saya jawab dan seperti apa yang saya katakan tadi, yang belum dapat saya jawab, saya telahpun memberi jaminan bahawa teguran-teguran atau cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, selaku Menteri Sumber Manusia, saya akan ambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi segala masalah itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa,

-Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)

Bacaan Kall Yang Kedua dan Ketiga

4.06 pig.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akia Pencen (Pindaan) 1990 dibaca bagi kali kedua.

Akta Pencen 1980 atau Akta 227 ialah Undang-undang Pencen yang mentadbirkan urusan persaraan dan pengurniaan faedah persaraan bagi Perkhidmatan Awam. Akta berkenaan telah berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1976. Rang Undang-undang Akta Pencen (Pindaan) 1990 yang dicadangkan ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen 1980, (Akta 227) bagi mengemaskinikan Akta berkenaan.

Ada enam pindaan yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Akta tersebut seperti berikut:

- (1) Cadangan untuk meminda umur persaraan pilihan sendiri dari umur 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki kepada 40 tahun bagi semua pegawai lelaki dan perempuan dalam Perkhidmatan Awam. Pembayaran faedah persaraan bagi mereka yang sedang ini berkhidmat adalah dikekalkan pada umur 45 tahun bagi perempuan dan umur 50 tahun bagi lelaki, manakala bagi mereka yang akan dilantik selepas Rang Undang-undang ini berkuatkuasa, pembayaran faedah persaraan itu, iaitu ganjaran, pencen dan faedah-faedah persaraan lain akan hanya dibuat apabila umur mereka genap 55 tahun. Dengan cara ini, peruntukan bagi membayar faedah persaraan dijangka boleh dikekalkan pada tahap yang ada sekarang ini.
- (2) Memberi option kepada pegawai yang akan dilantik pada masa hadapan untuk memilih skim pencen atau Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- (3) Cadangan mengadakan peruntukan untuk membolehkan pekerja Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan atau BBKT yang ditukarlantik ke Perkhidmatan Awam mengekalkan taraf berpencen mereka sebagaimana yang telah diperuntukkan bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang ditukarlantik ke perkhidmatan Pihak berkuasa Berkanun atau Tempatan.
- (4) Mengadakan peruntukan untuk membolehkan mana-mana pegawai dan kakitangan yang semasa dilantik telah mem-

berikan penyata maklumat atau dokumen palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan dibersarakan dari Perkhidmatan Awam.

- (5) Mengadakan peruntukan untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong menggantungkan pencen mana-mana pegawai yang telah bersara atas kepentingan negara yang didapati melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan persaraannya.
- (6) Cadangan untuk meminda seksyen 13 Akta berkenaan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk membayar faedah persaraan bagi kes-kes persaraan atas kepentingan awam dan persaraan atas sebab memberi maklumat atau penyata palsu bagi maksud perlantikannya.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah perihal mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen baru 6A. Seksyen baru 6A dicadang dimasukkan ke dalam Akta Pencen 1980 untuk membolehkan seseorang pegawai baru yang dilantik pada atau selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini sebelum disahkan dalam jawatannya, diberi option untuk memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau skim pencen. Sekiranya pegawai berkenaan memilih skim KWSP, peruntukan-peruntukan Akta ini, kecuali peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di bawah seksyen baru 6A itu yang berhubung dengan persaraan paksa dan persaraan di bawah sub-seksyen (5) Seksyen 10, tidaklah terpakai baginya. Pelaksanaan option tersebut adalah muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Seksyen 8. Seksyen 8 dicadang dipinda untuk memasukkan satu peruntukan baru bagi membolehkan satu kategori

pegawai lain disifatkan sebagai pegawai berpencen di bawah Akta iaitu mana-mana pekerja berpencen di bawah Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239, atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang ditukar tetap secara lantikan ke perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Seksyen 10. Seksyen 10 dicadang dipinda untuk memperuntukkan kepada Yang di-Pertuan Agong dan Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana yang berkenaan untuk membersarakan mana-mana pegawai yang pada masa perlantikannya telah membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat atau membekalkan apa-apa dokumen yang didapati palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Seksyen 12. Seksyen 12 dicadang dipinda untuk menurunkan umur persaraan pilihan sendiri daripada 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki kepada umur 40 tahun bagi perempuan dan lelaki. Walau bagaimanapun, pencen, ganjaran dan lain-lain faedah persaraan hanya boleh diberi kepada pegawai-pegawai ini apabila mereka mencapai umur 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki yang sedang berkhidmat, atau 55 tahun bagi pegawai yang akan dilantik pada masa hadapan, mengikut mana yang berkenaan sebagaimana dinyatakan di bawah Seksyen 12 yang dicadang untuk dipinda itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Seksyen 13. Seksyen 13 dicadang dipinda bagi menyatakan dengan jelas kuasa untuk membayar pencen, ganjaran atau lain-lain faedah persaraan kepada seseorang pegawai yang bersara di bawah Seksyen 10, 5 (d) dan bagi mengadakan kuasa untuk membayar pencen, ganjaran atau lain-lain faedah persaraan kepada seseorang pegawai

yang mungkin dibersarakan di bawah Seksyen 10 (5) (f) yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Seksyen 23. Seksyen 23 dicadang dipinda untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong menggantung pencen mana-mana pegawai yang telah bersara atas kepentingan negara yang didapati telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan persaraannya. Pindaan Seksyen 23 itu sepatutnya telah dibuat bersama-sama dengan pindaan kepada Seksyen 11 yang telah diwartakan pada 15hb Mei, 1986 tetapi telah tidak dibuat pada masa itu. Oleh itu pindaan kepada Seksyen 23 itu adalah dicadangkan dibuat pada masa ini bagi mengemaskinikan peruntukan tersebut. Walau bagaimanapun sebutan mengenai Seksyen 11 (b) (i) yang berhubungan dengan pegawai-pegawai negeri hendaklah terpakai hanya bagi pegawai-pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini kerana tidak terdapat sebarang peruntukan di bawah Akta sekarang yang membolehkan Yang di-Pertuan Agong menggantung pencen pegawai-pegawai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas., Bayan Baru.

4.16 ptg.

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, kita lihat

Kerajaan telah mengambil masa lebih satu tahun untuk membentang pindaan kepada Akta Pencen 1980 walaupun Menteri Kewangan telah mengumumkan cadangan ini dalam Belanjawan 1990. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang cadangan untuk meminda Akta Pencen 1980 selaras dengan usaha Kerajaan untuk menubuh Kumpulan Wang Amanah Pencen. Ia menampakkan bahawa Kerajaan sedang berusaha untuk meletakkan kedudukan skim pencen dengan skim KWSP secara *at par* atau secara yang boleh diterima oleh pekerja-pekerja di negara ini.

Oleh yang demikian, saya berpendapat sebarang cadangan pindaan kepada Akta Pencen ini haruslah diberi penekanan kepada jaminan bahawa mereka yang duduk di dalam skim pencen perlu juga mendapat perlindungan supaya pencen yang mereka harapkan sebagai simpanan untuk masa tua mereka tidak ditarik balik sepertimana beberapa perkara yang telah disyorkan, yang mana saya akan pergi satu persatu.

Tuan Yang di-Pertua, skim pencen ini hendaklah benar-benar melambangkan satu skim yang bukan sahaja memberi jaminan kepada pekerja-pekerja yang duduk dalam skim pencen ini, malahan ia akan menjadi satu harapan kepada mereka-mereka yang duduk dalam skim pencen ini untuk mendapat berbagai kemudahan dan perlindungan yang sewajarnya lebih-lebih lagi semasa mereka bersara ataupun semasa hari tua.

Dalam menawarkan option atau pilihan untuk pekerja-pekerja memilih sama ada untuk duduk dalam skim pencen ataupun untuk memasuki dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sepertimana yang dicadangkan ini, maka pekerja-pekerja yang terlibat selepas pelaksanaan pindaan Akta ini harus faham dan benar-benar mengetahui tentang baik-buruknya sebelum mereka

mengambil keputusan sama ada untuk menjadi ahli kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun memasuki skim pencen.

Satu ketika dulu, mungkin dalam tahun 60an, mereka yang pencen adalah mereka yang bekerja, yang berkhidmat dengan Kerajaan selama 10 tahun. Jadi, pada ketika itu masanya cukup bagi mereka untuk menilai, mengkaji dan menimbang sama ada skim pencen itu baik ataupun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja itu lebih berfaedah. Tetapi sekarang ini disebutkan, setelah mereka disahkan dalam jawatan mereka perlu membuat keputusan sama ada mereka akan tinggal di dalam skim pencen atau pilih untuk memasuki Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Pada pendapat saya bagi pekerja-pekerja yang bcrpendapalan rendah, pekerja-pekerja golongan bawahan, skim pencen itu amatlah penting. Sebab sebarang simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja apabila mereka sampai ke umur 55 tahun, sebarang jumlah yang akan diberi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja didapati terlalu kecil, tidak mencukupi untuk menentukan atau menjamin kehidupan selepas bersara ataupun semasa hari tua. 520.000-S30.000 daripada Tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak akan dapat menjamin kehidupan jangka panjang mereka. Mungkin dapat membaiki rumahkah, membeli rumah murahkah ataupun membeli kenderaan dan membayar hutang itu dan hutang ini, maka wang itu akan habis.

Jadi, kumpulan bawahan atau kumpulan pekerja rendah, mereka lebih terjamin walaupun kecil tetapi skim pencen ini lebih memberi jaminan kepada pekerja-pekerja bawahan terutamanya apabila mereka mendapat pencen terbitan yang diberi oleh Kerajaan kepada balu-balu pekerja-pekerja yang meninggal dunia. Ini satu jaminan. Walaupun sedikit, tetapi

mereka hidup dalam jangka panjang. Tetapi dalam jangka pendek, mungkin kita lihat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja beri tawaran secara yang besar sedikit, tetapi jangka panjang pekerja-pekerja bawahan tidak untung. Berbeza dengan pekerja-pekerja golongan atasan yang mana kalau mereka masuk skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mereka mungkin mendapat beratus ribu disebabkan caruman yang tinggi daripada pihak majikan dan juga pihak pekerja berkenaan dan mereka mendapat pulangan daripada wang ataupun simpanan terkumpul begitu tinggi dan mereka boleh menjalankan lain-lain aktiviti untuk menyara hidup mereka semasa hari tua atau semasa persaraan. Sebab ada wang mereka mungkin gunakan itu sebagai modal untuk berniaga dan sebagainya. Tetapi bukan untuk pekerja-pekerja bawahan.

Dengan yang demikian, saya memohon kepada pihak Kerajaan untuk memberikan penerangan yang lebih jelas dan kalau boleh memberikan perbandingan baik buruknya antara skim KWSP dan Skim Pencen, khususnya bagi mereka yang di peringkat bawahan sebelum mereka membuat pilihan, selepas mereka disahkan dalam jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Fasal 5, seksyen 12, seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk membenarkan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang dalam perkhidmatan sekarang bersara pada umur 40. Sebenarnya dahulu semasa perkara ini diumumkan oleh Menteri Kewangan, kebanyakan kakitangan awam menerima berita ini dengan secara yang begitu gembira sekali. Mereka mengharapkan supaya mereka boleh ataupun dibenarkan bersara pada umur 40 dan sekaligus mereka akan dibayar ganjaran dan pencen, tetapi cadangan kepada seksyen 12 ini tidak menggambarkan keadaan yang sedemikian. Saya rasa mungkin tak ramai yang akan berminat untuk bersara, kecuali mereka yang mungkin ada

peluang-peluang lain untuk menjalankan kegiatan kehidupan mereka, mungkin mereka akan mengambil peluang ini. Tetapi kalau Kerajaan bercadang untuk menggunakan seksyen ini bagi mengurangkan bilangan kakitangan dalam Kerajaan dan dengan tidak memberi sebarang ganjaran ataupun pencen sehingga mereka mencapai umur 50 tahun, saya tidak nampak usaha Kerajaan untuk mengurangkan kakitangan dalam perkhidmatan awam akan berjalan dengan secara licin.

Yang kedua, saya tidak tahu kerana perkara ini tidak disebut dengan jelas di dalam pindaan ini, sama ada mereka yang berpencen atau bersara pada umur 40 akan menerima pencen dan ganjaran mengikut kiraan umur mereka sampai pada 50 tahun atau pun dikira sehingga cuma 40 tahun. Kalau dikira pada peringkat mereka bersara pada umur 40 tahun, saya rasa ini satu kerugian yang besar kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang memilih untuk bersara pada umur 40 tahun dan perkara ini juga perlu diterangkan oleh Kerajaan kepada kakitangan atau pun pegawai-pegawai yang berhajat untuk bersara pada umur 40 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Fasal 7 yang menyentuh tentang kuasa Yang di-Pertuan Agong boleh menggantung ataupun menarik balik faedah pencen itu terhadap pekerja-pekerja yang telah melanggar itu dan ini, saya rasa perkara ini pun perlu juga dikaji semula disebabkan seperti mana yang saya sebutkan awal tadi, Skim Pencen ini adalah sebagai suatu simpanan untuk masa depan selepas bersara seseorang pegawai ataupun kakitangan untuk semasa hari tua mereka. Mungkin kesilapan yang mereka lakukan itu sekali-dua dalam seumur hidup mereka bekerja, tiba-tiba pencen yang mereka harapkan itu ditarik, digantung ataupun dirampas seolah-olah merampas wang simpanan mereka. Saya rasa undang-undang lain sudah mencukupi untuk mengendalikan mereka yang telah

melakukan sebarang pelanggaran terhadap peraturan ataupun undang-undang yang ada di negara ini. Janganlah mereka ini sekali-kali dihukum, bukan sahaja mereka sedangkan anak dan isteri mereka yang kemudian akan mendapat pencen terbitan juga akan terganggu dan dijadikan mangsa disebabkan kesalahan seseorang pegawai dan kakitangan itu.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak patut dan perlu dipertimbangkan semula oleh Kerajaan sebelum tindakan mengikut Pasal 7 ini hendak dijalankan. Jadi, saya rasa Kerajaan patutlah menimbang semula dalam hal ini supaya biarlah Skim Pencen ini seperti juga Skim KWSP, apa juga terjadi kepada pekerja, di mana sahaja pekerja itu pergi, sama ada dia bertukar kerja tetapi Skim KWSP itu akan memberi jaminan sebagai simpanan masa tua ataupun masa bersara. Dan begitu juga kita harap Skim Pencen, janganlah ia ditarik dengan sewenang-wenangnya disebabkan ada berlaku kesilapan ataupun pelanggaran kepada peraturan ataupun undang-undang yang ada.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Pasir Mas.

*4.24 ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Akta Pencen 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kepada satu-dua perkara yang saya anggap penting untuk diambil ingatan ataupun diberi perhatian.

Pertama, masalah pencen ini menjadi satu perkara kontroversial beberapa tahun kebelakangan ini di kalangan kakitangan Kerajaan iaitu di kalangan perkhidmatan awam, sehingga satu ketika dahulu Kerajaan bercadang untuk memansuhkan pencen ini sama sekali,

kalau tak silap saya, pada tahun 1987, tetapi oleh kerana di atas kehendak kedudukan undang-undang bahawa pencen ini tidak boleh dimansuhkan, maka mungkin pendekatan baru telah dibuat oleh pihak Kerajaan. Antara lain, meminda beberapa perkara seperti yang termaktub dalam Akta Pencen 1980 ini.

Walau apapun, Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Kerajaan telah memikirkan dengan benar-benar dihalusi dan teliti di atas keputusan yang telah dibuat bagi membenarkan kakitangan perkhidmatan awam membuat pilihan untuk pencen: bagi wanita 45 kepada 40, begitu juga bagi kakitangan lelaki. Saya berasa bimbang walaupun ianya baik dari satu segi kepada kakitangan Kerajaan, tetapi dari segi negara kita juga harus memberi perhatian kerana terdapat juga kakitangan Kerajaan yang berpengalaman ataupun kakitangan yang ditanggung oleh Kerajaan untuk mendapat ilmu dan pengalaman dengan belanja yang banyak, tetapi apabila sampai kepada tempoh diberi pilihan untuk pencen, mengambil kesempatan untuk pencen, apakah ini tidak merugikan pihak Kerajaan dan negara? Sudah barang tentu atau mungkin ianya akan ditentukan oleh pihak jabatan-jabatan berkenaan ataupun oleh pihak Kerajaan, golongan dan kategori mana yang diizinkan untuk pencen mengikut pilihan masing-masing. Tetapi saya bimbang ini akan diambil kesempatan dan kita akan kehilangan banyak kakitangan awam yang berpengalaman.

Mereka akan mengambil kesempatan ini kerana mungkin banyak yang tak puas hati—tak puas hati soal gaji, tak puas hati soal pencen, soal pilihan yang diberi sekarang, maka mereka mengambil kesempatan. Dengan umur 40 tahun, sudah barang tentu mereka masih bertenaga lagi. Kerana kalaulah seseorang kakitangan yang berkerja dan berkhidmat hampir 20 tahun dengan Kerajaan ataupun tempoh 15-20 tahun, sudah barang tentu pengalamannya cukup banyak. Tiba-tiba kita akan

kehilangan mereka begitu sahaja. Maka sebab itu, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan, apakah pihak Kerajaan telahpun meneliti perkara ini dengan benar-benar dihalusi. sudah puas hati bahawa negara tidak akan rugi akibat daripada tindakan ini.

Saya nampak satu sahaja alasan kenapa ianya dibuat iaitu mungkin hendak mengurangkan kos perbelanjaan kakitangan Kerajaan, hendak mengurangkan pencen sebagaimana yang diumumkan sebelum ini. Tetapi dari segi jangka panjang, kita juga akan mengalami kerygian. Berapa banyak yang kita boleh selamatkan daripada pencen ataupun mengurangkan kakitangan Kerajaan, kononnya kita hendak menyelamatkan wang negara supaya kosnya lebih kecil.

Tetapi selama ini kita belanja banyak juga, ada kadang-kadang tempat-tempat yang tidak berfaedah yang dikritik, yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, apakah salah demi untuk penerusan pembangunan negara, bagi kita menentukan atas dasar yang lama.

Kebimbangan saya ini tidaklah bererti saya menentang, tetapi saya mengingatkan supaya tidak satu ketika nanti terpaksa dipinda balik Akta ini semula supaya pencen itu balik kepada yang asal, tidak seperti pilihan sekarang, sebab saya dapati menjadi kelaziman dan menjadi budaya, sekejap-sekejap kita pinda, sekejap-sekejap kita tukar balik kepada yang asal. Tidak pernah tetap, seolah-olah tidak ada perancangan yang teliti, yang tegas dan khusus dibuat kajian sebelum sesuatu itu diambil tindakan

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk kepada Pasal 7 tadi yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dah Bayan Baru, ini masalah pegawai-pegawai ataupun kakitangan yang dibersarakan akibat daripada pelanggaran ataupun kesalahan tertentu, maka pencen mereka tidak akan dibayar ataupun dilarik sebagaimana yang dikehendaki dalam Fasal 7. Dalam

bab ini saya bersetuju sebab dalam kita memberi pembelaan kepada kakitangan Kerajaan, baik dari segi pencen, baik dari segi kebajikan, baik dari segi gaji, tetapi kakitangan Kerajaan juga mesti mempunyai tanggungjawab, akauntabiliti mereka kepada rakyat dan negara. Ertinya, kalau ada kakitangan Kerajaan atau pegawai-pegawai Kerajaan yang melakukan kesalahan, yang nyata kesalahan itu ditentukan oleh Mahkamah ataupun disabit kesalahan itu terang melakukan pelanggaran, maka sewajarnya mereka dihukum dan tidak patut dibayar pencen mereka, kalau mereka menyalahgunakan kuasa. Sebab itu fasal ini bagi saya, saya mentakrifkan, bukan bermaksud untuk mendera atau pun mendenda kakitangan Kerajaan, tetapi yang lebih penting ianya sebagai suatu ingatan dan sebagai suatu alert supaya mereka tahu jika mereka melakukan kesalahan tidak bekerja dengan bersih, cekap dan amanah, mereka akan kehilangan ganjaran atau pencen yang telah diperuntukkan. Yang menanggungnya ialah isteri, anak dan keluarga mereka, tetapi kalau mereka sudah tahu ini ada, maka jangan buat. Jadi, bererti kalau tidak buat tidak adalah masalah mcngcnai dengan fasal ini.

Jadi, dalam soal ini, saya menyokong di samping itu juga saya menyokong apa pun bentuk pembelaan kepada kakitangan Kerajaan, mestilah ada timbal balik, two-way traffic itu kena ada. Saya tidak mahu menyokong kakitangan Kerajaan semata-mata hendak tunjuk saya ini hero, bela kakitangan Kerajaan, bela rakyat pun buat juga, tetapi pada masa yang sama kita juga hendak menuntut kerja mereka lebih profesional, kerja mereka lebih berkesan dan lebih produktif supaya ianya bagi kepentingan rakyat dan negara kerana selama ini kita dengar juga banyak kes-kes yang kita tengok laporan yang terbabit dengan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Selama ini kita bercakap di kalangan orang politik, tetapi tidak juga terkeluar di kalangan kakitangan kanan Kerajaan

ada juga, sebab saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, kita buka dalam laporan semakan gaji, seorang kakitangan Kerajaan yang berpangkat paling tinggi berapa gajinya sebulan? Lain sumber sudah tidak ada, macam mana boleh duduk mmah banglo, kereta dua tiga buah depan rumah, hebat-hebat juga! Berjawatan apa ini? Saya sedang kira ini, saya ada bawa calculator, saya sedang kira mana ini? Di setengah-setengah tempat, saya tidak hendak sebut nama, saya bukan buat tuduhan, tetapi ini berlaku.

Ada juga tindakan kakitangan Kerajaan yang menyalahgunakan kuasa, orang politik menanggung beban. Ada juga tindakan orang politik, orang kakitangan Kerajaan menanggung beban.

Memang ada kadang-kadang itu berlaku, tetapi di kalangan kakitangan Kerajaan ada yang saya lihat yang duduk hidup dengan mewah dan saya percaya dan menaruh syak wasangka di mana mereka mendapat kekayaan ini dengan kerela yang besar, dengan rumah yang besar, dengan swimming pool, kalau gaji \$10,000 sebulan pun paling tinggi setahun \$120,000—dia tidak makan, dia tidak pakai baju, dia tidak serba-serbi pun tidak boleh buat rumah tiga empat jutaringgit. Sebab itu, saya percaya Akta seperti ini baik untuk mencegah supaya tidak berlaku penyelewengan. Kalau tidak, mereka akan hilang segala kemudahan ini. Ini bukan untuk menjerat kakitangan Kerajaan, tetapi unluk mengingatkan kakitangan Kerajaan, pada masa kita membela mereka dari segi gaji, pencen, kemudahan kebajikan, pada masa yang sama mereka mesti bertanggungjawab kepada rakyat dan negara. Kita tidak mahu lihat ada kakitangan Kerajaan yang mengambil kesempatan untuk faedah diri sendiri.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, cukuplah setakat itu, sedap juga rasa bunyinya itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Padang Terap.

4,36 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyokong pindaan Akta Pecen 1990 ini dan perkara pertama yang saya akan bangkitkan ialah mengenai dengan Fasal 7 yang dipercepatkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru dan juga yang baru disentuh oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Saya bersetuju dengan hujah-hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi mengenai dengan keadilan kerana kalau didenda atau pun dihukum seseorang pegawai Kerajaan di atas sesuatu kesalahan menghukum dengan menarik balik pecen kalau pegawai si pesalah itu sahaja yang menanggung akibatnya, memang saya sokong mengenai dengan hakikat ini, tetapi malangnya anak isterinya dan keluarganya pun terhukum juga.

Hujah yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga pun ada rasionalitinya. Jadi, disini saya hendak mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya mengambil jalan tengah atau pun meneliti semula, andainya seseorang pegawai Kerajaan itu membuat satu kesalahan jenayah, hukum sahajalah si pesalah itu. Kemungkinan pecen ditarik daripada beliau sahaja, tetapi apabila dia mati ataupun dia meninggal dunia, anak-anak isterinya akan diberi semula pecen itu kerana kalau kita jalankan peraturan seperti sekarang ini, kita membawa balik hukuman-hukuman yang Draconian yang wujud di zaman feodal dahulu.

Di zaman feodal dahulu, apabila seseorang itu bersalah kepada raja misalannya, bukan sahaja orang itu disula ataupun dipancung, malah rumahnya pun diangkat, taruh ke laut, malah tapak kakinya pun dikorek, taruh ke laut, dibuang ke laut. Minta maaf, bukan "taruh", dibuang ke laut. Jadi, ini

adalah satu hukuman yang Draconian yang tidak menampakkan keadilan dan inilah saya minta dan saya mengambil jalan tengah, di antara dua pendapat yang extreme tadi ini, satu daripada DAP, satu daripada 46. Kita ambil jalan tengah yang mana hukuman itu dijatuhkan kepada pegawai yang berkenaan itu sahaja, tetapi ianya tidak semestinya anak isterinya yang tidak berdosa terlepas langsung daripada pecen, kerana kalau seseorang pegawai Kerajaan itu memilih untuk duduk di bawah skim KWSP, jikalau ianya disabitkan melakukan apa-apa kesalahan jenayah, dia tidak akan hilang apa-apa, malah wang KWSPnya itu wujud dan tidak dirampas oleh Kerajaan. Mengapa pula di dalam satu skim yang parallel, yang selari ini hak beliau sebagai hak asasi beliau yang mana beliau menyumbangkan sebahagian daripada kumpulannya dirampas?

Jadi, saya mohonlah kepada pihak Kerajaan supaya demi keadilan keseluruhannya, supaya perkara ini ditimbang semula dan diberi semula kepada orang yang bersalah itu kerana saya ingin menyebut satu pepatah Inggeris, yang berkata: "To err is human, to forgive is divine," dengan izin. Dimensi forgiving, dengan izin, dimensi mengampunkan ini ditunjuk oleh Kerajaan di dalam bentuk memberi semula pecen itu kepada anak-anak isteri atau pun tanggungan-tanggungan pegawai yang telah membuat salah tu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun).

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Ya, silakan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Parlimen dari Padang Terap. Saya tidak berpendapat bahawa pandangan saya tadi ekstrim. Saya hanya beri perbandingan, Unggal lagi di sini saya hendak mendapat

penjelasan. Saya bersetuju supaya anak dan isteri ataupun keluarga tidak dihukum. Maka kita hukum suami sahajalah yang bertanggungjawab itu. Tetapi pencen ataupun ganjaran yang diterima itu, yang diterima oleh suami juga akhirnya sampai kepada keluarga itu juga. Jadi, macam mana bentuk hukuman yang lebih khusus supaya mendapat keadilan. Saya bersetuju supaya pembelaan diberi kepada anak, isteri dan keluarganya. Tetapi walau macam manapun, bagaimanakah bentuk hukuman yang harus dikenakan dengan lebih khusus kepada mereka yang dianggap bersalah ini, kalau ada.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Kita serahkan kepada Kerajaan, suruh mereka fikir, itu kerja mereka. Kita beri cadangan, kita harap pihak Kerajaan akan menentukan satu formula, mungkin satu formulanya, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, ialah kalau dia pencen, dia belum mati, tidak usah berilah, lepas dia mati, berilah kepada isteri dan anak-anaknya yang patut. Tetapi di atas kearifan Kerajaan dan juga Menteri dan pegawai-pegawainya, saya harap perkara ini diambil perhatian secara serius supaya satu keadilan yang menyeluruh akan wujud.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin menyokong ialah mengenai penurunan pencen optional pada umur 40 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, birokrasi Kerajaan pada masa ini merupakan satu birokrasi yang besar. Walaupun Kerajaan telah melakukan satu usaha yang cukup berkesan melalui penswastan masih lagi saiz birokrasinya besar.

Tuan Yang di-Pertua, kena pada tempatnya pula pada masa ini ekonomi kita sedang mengalami transformasi

strukturnya ataupun, dengan izin, structural transformation, yang memerlukan pengalihan tenaga mahir daripada sektor public kepada sektor swasta.

Kita sedia maklum bahawa sektor swasta kita belum lagi mempunyai tenaga-tenaga yang mahir dan tidak ada kumpulan ataupun pool yang lain, yang mana sektor swasta boleh mengambilnya. Jadi, pool ataupun satu kumpulan yang wujud dan yang besar, yang boleh diambil ialah daripada pool birokrasi Kerajaan ini. Saya pasti bahawa dengan adanya peraturan yang sebegini, transformasi struktur ekonomi kita akan berlaku dengan baik kerana di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan pun banyak yang berumur 40 tahun ke atas ingin keluar daripada birokrasi Kerajaan dan mencebur diri dalam sektor swasta yang mempunyai banyak peluang-peluang pada masa ini khususnya di dalam soal usahawan, perdagangan dan lain-lain lagi.

Jadi, saya fikir dengan tindakan Kerajaan menurunkan umur pencen ini, satu structural transformation berlaku dengan baik dan ianya adalah satu gerakan yang logik dari segi pembangunan ekonomi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Silakan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya lagi satu penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Saya juga menyokong supaya ada transformasi sepertimana yang dicadangkan dari segi struktur ekonomi apabila ada peralihan kakitangan Kerajaan menceburi dalam sektor swasta. Tetapi oleh kerana adanya peluang dapat pencen umur 40 tahun ini, ada juga di kalangan kakitangan Kerajaan sudah bersiap sedia sekarang ini, "Aku ini umur 39, tahun hadapan ada

peluang pencen." 'Kot-kot' saya takut ada jabatan-jabatan yang menguruskan hal-hal tender ini. Telah bercakap di luar, saya dengar cerita di luar, 'Cari-cari syarikat, sebab saya hendak pencen tahun hadapan.' Maka mereka telah susun awal-awal. Bukankah ini satu perkara yang boleh merosakkan juga dari segi struktur ekonomi?

**Dato' Dr Affudin bin Haji Omar:**

Dari segi struktur ekonomi, ia tidak akan merosakkan, tetapi dari segi struktur peluang orang lain akan merosakkan. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, misalannya saya sendiri berpengalaman dalam bidang kerana syarikat saya selepas saya berhenti daripada birokrasi Kerajaan masuk satu tender dan kita menang. Apabila tender itu hendak diperbaharui, dua tahun selepas itu, tender ini diberi kepada pegawai Kerajaan yang baru sahaja bersara dari Treasury. Jadi, terlepaslah saya. Itulah, peluang memang terjejas tetapi struktur ekonomi tidak terjejas. Kemungkinan itu berlaku dan kita harap pihak Kerajaan waspada dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan pengalaman saya sendiri.

Walau bagaimanapun, soal menurunkan umur pencen ini ke 40 tahun adalah satu perkara yang baik, satu perkara yang cukup lojik di dalam arus pembangunan negara. Saya harap pihak Kerajaan bukan sahaja melepas pegawai-pegawai Kerajaan begitu sahaja untuk masuk tanpa diberi guidance ataupun diberi bimbingan ke dalam pihak swasta. Saya harap pihak JPA mengadakan satu skim khas.

Yang pertama, skim ini perlu diprogramkan ataupun program semula mentaliti pegawai Kerajaan kerana apa yang dihadapi oleh industri dan sektor swasta sekarang di mana pegawai-pegawai Kerajaan memasukinya, ialah pengalaman kita kata mental block yang mana mentaliti birokrasi Kerajaan dibawa ke dalam industri dan ini menjejaskan produktiviti industri itu

sendiri malah menggagalkan industri itu kerana pegawai-pegawai Kerajaan sepertimana yang saya kata banyak kali dalam Dewan ini dahulu, adalah diprogram untuk mengutip cukai asasnya dan juga diprogram untuk membelanja, bukan diprogram untuk membuat wang ataupun menggandakan wang. Walaupun adaskim gandaan wang baru-baru ini, itu adalah gandaan cara lain. Bukan diprogramkan untuk menelurkan wang daripada pelaburan \$1 menjadi \$5. Pegawai-pegawai Kerajaan diprogramkan untuk membelanja, bagaimana hendak memenuhi 100% perbelanjaan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan.

Tadi dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang mengenai dengan Kerajaan Kelantan hanya boleh membelanja 63%. Itu adalah satu masalah di kalangan pegawai Kerajaan. Kalau dilatih untuk membelanja pun tidak boleh membelanja 100% maka itu pun masalah. Tetapi apabila dia masuk dalam industri, dia mesti diprogramkan kalau wang itu dilabur \$1 ianya mesti menjadi \$10 dalam masa setahun ataupun dalam masa sebulan. Jadi, inilah yang pentingnya kerana bukanlah salah pegawai itu sendiri tetapi hakikat, task environmentnya, ataupun sekitaran kerjanya itu yang memerlukan dia membuat kerja begitu.

Tuan Yang di-Pertua, cuba fikirkan seorang pegawai Kerajaan yang dilatihkan sebegitu selama 20 tahun bukanlah senang untuk diprogram mentalitinya daripada itu ke satu mentaliti usahawan, kepada satu mentaliti entrepreneur.

Jadi, saya menyerulah pihak JPA dan pihak Kerajaan supaya memikirkan hal ini.

Jikalau seorang pegawai Kerajaan yang pencen pada umur 40 tahun dan dia diberi lesen, diberi permit untuk menjadi seorang usahawan tanpa latihan, saya fikir ianya akan gagal dan Kerajaan juga yang akan menanggung akibat daripada usaha-usaha ini.

Kedua, saya ingin mencadangkan supaya dibuat satu bancian yang mana pegawai-pegawai Kerajaan yang ingin hendak bersara dua tahun sebelum mencapai umur persaraan optional ini, mereka itu perlu dibanci supaya kita dapat mengetahui banyak mana dan bagaimana kita hendak menyalurkan mereka ke dalam bidang industri ini.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong ura-ura Kerajaan yang hendak mengadakan satu tabungpencen. Saya Tikir kita ada satu lagi rang undang-undang iaitu Rang Undang-undang Kumpulanwang Amanah Pencen yang mana akan diperdebatkan di sini nanti. Tetapi sebagai kata awal saya menyokong usaha ini kerana seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa pada masa ini Kerajaan berbelanja lebih kurang \$1,200 juta setahun untuk membayar pencen. Maka perlulah diwujudkan satu tabung supaya sumber pembayaran pencen ini wujud dan ianya boleh berdiri di atas kakinya sendiri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kok Lanas

*4.51 ptg.*

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengarnbil bahagian di dalam perbincangan mengenai Akta Pencen (Pindaan) 1990 ini dalam beberapa perkara.

Pertama, ialah berhubung dengan Fasal 4. Sebelum daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan yang dicadangkan melalui Akta Pencen (Pindaan) 1990 ini adalah selaras dengan hak-hak persaraan serta hak-hak pencen Ahli-ahli Parlimen yang telah dibuat pada bulan Julai, 1990 yang lepas dan saya rasa rasionalnya yang sama ialah cadangan kepada AktaPencen (Pindaan) untuk kakitangan awam. Tetapi satu sahaja yang tidak sama, kakitangan

awam telah naik gaji tetapi Ahli-ahli Parlimen masih belum sampai hari ini.

Berhubung dengan Fasal 4, yang bertujuan meminda seksyen 10 Akta bagi memasukkan satu alasan lain bagi Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana yang berkenaan untuk membersarakan seseorang pegawai daripada Perkhidmatan Awam. Dengan kata lain, seksyen ini bertujuan untuk memberi kuasa yang lebih kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membersarakan mana-mana seorang pegawai awam sebagai tambahan kepada alasan-alasan yang telahpun diberi kepada Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta yang sedia ada. Tambahan kuasa yang diberi ini ialah mana-mana pegawai yang pada masa perlintikannya telah membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat atau membekalkan apa-apa dokumen yang didapati palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan atau yang mungkin mengelirukan dan mereka ini boleh dibersarakan di bawah seksyen 10 Akta yang sedia ada.

Saya tidak nampak di mana keperluan kepada seksyen ini, kerana kalau seseorang pegawai itu telah menjawat jawatan Kerajaan dan apabila didapati pegawai yang menjawat jawatan tersebut memberi kenyataan berhubung dengan perlintikannya adalah palsu, jika demikian halnya, maka pegawai yang berkenaan jelas telah melakukan suatu kesalahan dan ini adalah suatu kesalahan jenayah dan maana-mana pegawai yang melakukan perbuatan jenayah boleh diberhentikan jawatannya dan apabila diberhentikan-tidaklah berhak kepada peruntukan mengenai bayaran pencen.

Yang dipersoalkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak bagaimana seorang pegawai Kerajaan yang menjawat jawatan kerana memberi maklumat palsu dan kita bersarakan dia kemudian kita beri peruntukan pencen. Ini adalah satu perkara yang pada

pandangan saya adalah tidak tepat. Kepada mana-mana pegawai yang memberi maklumat palsu dan akhirnya dia memegang jawatan dan oleh kerana memberikan maklumat palsu itu kita bersarakan dia, maka seolah-olah kita condone, dengan izin, kita memberi kebenaran ataupun memberi peluang kepada orang-orang lain juga yang hendak menjawat jawatan Kerajaan melakukan kesalahan yang sama. Barangkali pegawai-pegawai Kerajaan seperti ini mestilah bukan dibersarakan tetapi mesti diberhentikan dan dinafikan semua hak-hak mereka di bawah pencen.

Kita pernah mendengar beberapa orang yang memegang jawatan-jawatan tinggi dalam Kerajaan menggunakan gelaran doktor, misalannya, dan apabila dikaji, mereka ini sebenarnya bukan doktor dan kalau dia diambil untuk memegang jawatan kerana pangkatnya atau kelulusannya itu, dan apabila didapati tidak ada kelulusan sedemikian, maka orang seperti ini pada pandangan kita dan pada pandangan rakyat umum serta pada pandangan semua pihak, saya berpendapat mereka seperti ini tidak boleh dibersarakan tetapi mereka ini mesti dan wajib diberhentikan dan semua hak-haknya. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap. Bukit Bintang bangun.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ya, silakan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kok Lanas. Dia menyebut tadi salah seorang doktor yang tiada kualifikasi doktor tetapi menggunakan gelaran doktor ini. Dia tahukah siapa itu? Bolehkah beritahu Dewan yang mulia ini?

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mobamed:** Saya sendiri pun tidak boleh memberi jawapan yang tepat, tetapi saya rasa Yang Berhormat Menteri tahu siapa

yang sebenarnya, Kita pun ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil ke atas orang-orang yang seperti ini, khususnya apabila Rang Undang-undang ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hal yang demikian saya mencadangkan bahawa kita tidak mahu peruntukan Fasal 4 yang meminda seksyen 10 ini disalahgunakan nanti. Kita menyeru kepada pihak Kerajaan yang akan melaksanakan Akta ini supaya menggunakan budi bicara dengan sebaik-baiknya dan saya mencadangkan supaya bagi kesilapan, mungkin boleh dimaafkan; kerana memberi maklumat yang tidak tepat, mungkin boleh dimaafkan; kerana maklumat yang tidak lengkap, boleh dimaafkan, tetapi memberi maklumat palsu adalah satu perbuatan yang tidak boleh dimaafkan. Dengan yang demikian kita menyeru kepada Kerajaan supaya berhati-hati di dalam menggunakan budi bicara supaya membezakan kategori-kategori memberi maklumat palsu, memberikan kenyataan yang silap, kenyataan yang tidak tepat dan lengkap ini supaya dapat diambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berhajat untuk membicarakan Fasal 5. Fasal 5 ini bertujuan untuk menggantikan seksyen 12 Akta bagi menurunkan umur persaraan pilihan daripada 45 tahun bagi wanita dan 50 tahun bagi lelaki kepada umur 40 tahun bagi wanita dan lelaki,

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru bahawa pada masa ura-ura pindaan ini hendak dibawa dahulu semua pegawai-pegawai Kerajaan menyambut baik, tetapi nampaknya "Indah khabar dari rupa". Rasional memberi pilihan supaya seseorang pegawai Kerajaan bersara pada umur 40 tahun, pada pandangan saya ada tiga perkara. Pertama, supaya memberi peluang kepada mereka ini untuk berehat lebih awal, terutamanya, barangkali kepada pegawai-pegawai wanita yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat di rumah.

Keduanya, kepada mereka yang bersara pada umur 40 tahun ini barangkali untuk memberi peluang kepada mereka menceburi bidang-bidang lain yang lebih mencabar untuk menambahkan pendapatan mereka.

Ketiga, barangkali untuk mengurangkan beban Kerajaan.

Dalam kes yang pertama, seseorang pegawai Kerajaan yang bermohon untuk bersara pada umur 40 tahun, haknya untuk mendapat pencen dinafikan, iaitu pencen hanya boleh dibayar pada umur 45 tahun. Di bawah pindaan yang dicadangkan ini, jika seseorang itu mengambil keputusan untuk bersara pada umur 40 tahun, hak pembayaran pencen tidak boleh dituntut sehingga umurnya 45 tahun. Jadi, kalau seseorang pegawai itu bersara kerana hendak berehat, tetapi pendapatannya selepas dia bersara itu sudah tidak ada lagi, maka seolah-olah tidak ada maknanya beliau berpencen ataupun bersara pada umur 40 tahun.

Yang keduanya, kalau seseorang iju berniat mengambil pilihan pencen pada umur 40 tahun dengan tujuan untuk mencebur ke dalam bidang-bidang lain, sudah tentu mereka yang berpengalaman dan pernah berada dalam Jabatan Perkhidmatan Kerajaan sebegitu lama akan mempunyai peluang yang lebih daripada orang-orang biasa atau pemaga-peniaga biasa yang sebelum ini tidak mempunyai pengetahuan ataupun mempunyai hubungan yang lebih dengan jabatan-jabatan Kerajaan. Jadi, kitaimbang jika mereka ini bersara pada umur awal dan tujuannya ialah untuk menceburi perniagaan akan mewujudkan suatu pertandingan yang prejudis ataupun berat sebelah di kalangan peniaga-peniaga terutamanya bagi mereka yang ada hubung-kait dengan jabatan-jabatan Kerajaan

Oleh yang demikian, kita menyeru kepada pihak Kerajaan supaya dapat memastikan bahawa tidak ada apa-apa keistimewaan atau kelebihan dari segi layanan yang akan diberikan kepada

pegawai-pegawai ini tetapi layanan yang sama rata hendaklah diberikan apabila mereka ini cuba untuk merebut apa-apa peluang di jabatan-jabatan Kerajaan atau mana-mana jabatan Kerajaan yang dia sebelum daripada ini mempunyai kepentingan.

Saya juga, akhir sekali, ingin menyentuh Fasal 7. Fasal 7 ini adalah bertujuan untuk meminda subseksyen (2), seksyen 23 Akta berkaitan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong menggantung pencen seseorang pegawai yang telah dibersarakan atas kehendak Kerajaan di bawah Seksyen 11 (a) (i) atau 11 (b) (i) Akta jika pegawai itu melibatkan diri di dalam apa-apa aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan ianya dibersarakan.

Pindaan ini adalah perlu seperti yang telah diterangkan di dalam Akta itu. Persoalan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah di dalam bertindak di bawah Fasal yang dicadangkan ini, Yang di-Pertuan Agong bertindak di bawah bidang kuasanya, budi bicaranya secara mutlak atau Yang di-Pertuan Agong bertindak di atas nasihat pihak yang ketiga? Jika Yang di-Pertuan Agong bertindak untuk menggunakan seksyen ini di atas budi bicaranya sendiri, barangkali jaminan untuk menyalahgunakan seksyen ini tidak akan berlaku, tetapi apa yang dibimbangkan ialah jika Yang di-Pertuan Agong bertindak di atas nasihat orang lain. Sebab takrif "melibatkan diri di dalam apa-apa aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan dia dibersarakan" adalah amat luas sekali, dan kita tidak nampak bahawa seksyen ini tidak akan disalahgunakan. Dengan kedudukan yang sedemikian yang tidak mentakrifkan ataupun tidak memberikan satu tafsiran yang jelas tentang tujuan dia dipersarakan itu, dengan ini, akan membuka satu peluang kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk menindas ataupun memberikan tekanan kepada mereka yang telahpun berpencen tetapi kebebasannya pula disekat.

Mereka yang berpencen sudah tentu mereka ini ingin bebas. Mereka ini tidak mahu lagi terikat kepada peraturan-peraturan Kerajaan ataupun ingin berehat. Jadi, jika kita mengambil tindakan kepada mereka yang telah berpencen kerana bercanggah dengan tujuan dia dibersarakan dan tujuan dia dipersarakan itu sendiri adalah samar dan ini akan terbuka kepada suatu penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Jadi, kita menyeru kepada pihak Kerajaan supaya di dalam menggunakan peruntukan ini, mestilah berhati-hati,

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan di dalam pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Batang Lupar.

5.04ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaatar (Batang Lupar):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan saya minta maaf kepada Tumpat kerana saya telah dipilih untuk bercakap.

Jadi, saya pun ingin melibatkan diri dalam perbahasan untuk pindaan Akta Pencen yang telah dicadangkan tadi dan oleh kerana banyak perkara yang hendak saya sentuhkan telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terdahulu daripada saya. Jadi, saya ingin bercakap dengan begitu pendek sahaja.

Pertama, saya ingin mengalu-alukan cadangan ini ialah dengan tepat sekali memandangkan terutama sekali dalam Fasal 2 dan Fasal 3 cadangan untuk memberi option kepada pegawai-pegawai yang sama ada telah disahkan dalam pekerjaan mereka ataupun baru diterima bekerja selepas pindaan ini dikuatkuasakan. Tujuan ini adalah sangat baik sekali oleh kerana memberi peluang kepada pegawai-pegawai yang tertentu untuk memilih sama ada untuk

mengikut skim yang berpencen ataupun skim Kumpulan Wang Pekerja. Skim Pencen ini adalah skim yang lama untuk menjaga kebajikan pegawai-pegawai yang tertentu semasa mereka telah meningkat umur 55 tahun semasa dahulu. Memandangkan keadaan semasa ini, mungkin Skim Pencen ini perlulah diperlengkapkan lagi dengan memberikan satu pilihan kepada pegawai-pegawai yang tertentu supaya jangan tertakluk sangat kepada Skim Pencen dan terpaksa menerima pencen walaupun mereka bercadang ataupun berniat untuk mendapatkan wang dengan sekaligus dan tidak menerusi pencen yang akan diterima berperingkat-peringkat tiap-tiap bulan selepas mereka bersara itu nanti.

Jadi, dengan itu saya menyokong cadangan Kerajaan dalam Fasal 2 dan 3 dan ingin saya beralih kepada Pasal 4. Fasal 4 ini ialah dibincangkan dengan hangatnyanya oleh rakan-rakan saya terutama sekali dari Kok Lanas, dari Padang Terap dan Pasir Mas dan saya ingin menambah sedikit sahaja. Oleh kerana perkataan-perkataan yang digunakan di dalam pindaan ini yang mengatakan iaitu "mana-mana pegawai-pegawai yang, pada masa per-lantikannya, telah membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat atau membekalkan apa-apa dokumen yang didapati palsu, silap, tak tepat, tak lengkap atau mengelirukan atau yang mtingkin mengelirukan, boleh dibersarakan di bawah seksyen 10 Akta ini."

Jadi, memang jelas sekali kalau saya mengatakan ada kemungkinan seksyen ini dipersalahgunakannya oleh kerana seksyen ini telah memberi satu kuasa yang begitu luas sekali, yang begitu ambiguous, dengan izin, terutamanya ada pula dijangka mungkin bercanggah dengan peruntukan-peruntukan yang lain bcrhubungan dengan persaraan ataupun dismissal, dengan izin, pegawai-pegawai Kerajaan.

Jadi, saya mencadangkan jalan tengah iaitu supaya perkataan "silap, tak tepat dan tak lengkap" itu digugurkan daripada pindaan ini tetapi jikalau pegawai itu didapati membuat penerangan palsu sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas ladi, sepelutnya pegawai ini jangan sekali diberi nikmat ataupun keuntungan daripada persaraan beliau itu.

Tetapi pindaan ini juga menunjukkan satu prinsip kasih sayang yang pernah disebutkan di Dewan ini dahulu semasa meluluskan Belanjawan Negara dan sejarlah peruntukan ini diberikan juga walaupun beliau telah memberi perbuatan yang tidak baik dan salah dan telah bekerja begitu lama dengan pihak Kerajaan sampai ke peringkat di mana beliau boleh dibersarakan.

Dari itu, saya sekali lagi mengulangkan cadangan saya iaitu perkataan-perkataan yang telah saya sebutkan tadi sepatutnya digugurkan daripada pindaan ini untuk mengelakkan dipersalahkan.

Berpindah saya ke Fasal 5, iaitu untuk menurunkan pencen dari 55 ke umur 40, ini juga saya bersetuju dan saya memang menerima cadangan ini. Oleh kerana banyak pegawai kemungkinan sudah merasa bosan bekerja dalam satu-satu Jabatan dan ingin bersara dan mengujikan bakat mereka di bidang perniagaan. ....

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Perlu (Tuan Ong Tee Keat); Ya, Kok Lanas bangun.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya hendak perbetulkan fakta yang saya rasa Yang Berhormat tadi sebut tidak berapa tepat apa yang saya cadangkan tadi. Yang saya cadangkan ladi bukan perkataan "tak lengkap" yang digugurkan, tetapi perkataan "palsu". Perkataan "palsu" itu

tidak dimasukkan dalam seksyen ini iaitu Pasal 4. Bukan perkataan "silap, tak lengkap." Kalau perkataan "silap, tak lengkap, tak lepat", itu memang boleh dibersarakan, boleh menggunakan Fasal 4 yang bertujuan untuk meminda seksyen 10 ini. Tetapi perkataan 'palsu' itu yang dipentingkan. Palsu' pada pandangan saya tidak boleh sama sekali diberi budibicara untuk dibersarakan, tetapi 'palsu' mesti dipecat dan semua hak-hak pencen tidak diberikan kepada pegawai itu. Itu maksud saya.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya terimalah, saya dalam Barisan Nasional, dia dalam Pembangkang, jadi kita berlainan pendapatlah sedikit. Terima kasih. Saya tidak hendak berbincang lebih panjang lagi dengan perkara itu.

Saya berpindah kepada Pasal yang saya sebutkan tadi. Penurunan umur untuk berpencen ini, saya ingin menyokong cadangan yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Padang Terap iaitu pegawai-pegawai yang hendak berpencen daripada umur 40 tahun ini biarlah mereka diberi satu pengajaran ataupun pendidikan daripada segi apa sahaja, tujuan mereka untuk bersara itu nanti. Oleh kerana janganlah mereka ini menjadikan satu bebanan kepada masyarakat selepas dibersarakan. Oleh kerana umur mereka 40 tahun itu bolehlah dikatakan masih muda lagi, kalau kita pandangan daripada *kacamata expectancy of life*, dengan izin, di negara ini, jadi mungkin pegawai-pegawai yang berkenaan boleh menjalankan perniagaan-perniagaan atau perusahaan-perusahaan mereka sehingga ke umur 60 tahun lebih.

Jadi dalam masa 20 tahun mereka mestilah boleh membuat ataupun memberi satu perkhidmatan kepada negara bukan menerusi perkhidmatan daripada segi pegawai awam, tetapi sebagai peniaga-peniaga yang baik, peniaga-peniaga yang berkebolehan, peniaga-peniaga yang boleh memberi

sebagai satu aset kepada negara ini. Jadi dengan itu pihak Kerajaan hendaklah mengambil satu tindakan untuk mengorientasikan pegawai-pegawai yang hendak dibersarakan itu nanti. Perlulah diingatkan juga kepada pegawai-pegawai yang telah menerima latihan yang begitu banyak dan mungkin membuang perbelanjaan yang begitu banyak daripada pihak Kerajaan menghantar mereka ke luar negeri dan setelah berkhidmat 5-6 tahun mereka mendapali mereka sendiri sudah layak dipencenkan dengan umur 40 tahun.

Jadi, adakah pihak Kerajaan mengambil perhatian daripada segi ini sama ada memberikan satu-satu syarat sebelum menghantar pegawai-pegawai Kerajaan itu berkursus ataupun belajar ke luar negeri untuk menggalakkan mereka sendiri dalam menjalankan tugas-tugas Kerajaan, kerana ini adalah menjadi satu bebanan kepada Kerajaan sendiri setelah melatih pegawai-pegawai itu dengan begitu rapi, dengan begitu banyak membuang wang dan setelah balik ke negara ini, mereka telah boleh menerima pencen dan dapat dibersarakan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
pergerusikan Mesyuarat*)

Saya ingin berpindah kepada Fasal 7, ingin saya membaca Akta ini iaitu:

"7..... Aku berkaitan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong menggantung pencen seseorang pegawai yang telah dibersarakan atas kehendak Kerajaan di bawah seksyen 11 (a) (\) atau 11 (b) (i) Akta jika pegawai itu telah melibatkan dirinya dalam apa-apa aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan dia dibersarakan....."

Jadi perkataan ini amatlah luas sekali dan boleh disalahgunakan bila-bila masa sahaja, oleh kerana jikalau seseorang itu minta berpencen atau dibersarakan dengan tujuan menjalankan satu bisnes

atau satu-satu perusahaan atau perniagaan, jikalau dalam menjalankan perusahaan dan perniagaan beliau menemui jalan buntu ataupun tidak berupaya untuk menjalankan bisnesnya, dan dengan itu kalaulah beliau telah menerima pencen ataupun ganjaran bersara tidak ingin ataupun tidak berkemampuan lagi menjalankan bisnesnya dan mahu berkhidmat dengan syarikat-syarikat umpamanya, ini juga boleh dimasukkan di dalam peruntukan ini dan dengan sendirinya pencennya mungkin akan hilang dan dia akan kehilangan keuntungan dan apa-apa sahaja ganjaran yang patut diterimanya. Jadi, dengan ilustrasi yang begitu singkat, saya boleh menunjukkan yang pindaan seksyen ini adalah sangat luas sekali.

Saya mencadangkan supaya perkataan 'dalam apa-apa aktiviti itu' patutlah, dengan izin, narrowed down, dengan menyenaraikan apakah ak(iviti-aktiviti yang tidak boleh pegawai-pegawai berkenaan melibatkan diri supaya jangan pindaan ini disalahgunakan pada satu masa nanti. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta Pencen ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Kepong.

5.17ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang ini kerana ia merupakan satu Rang Undang-undang yang mempunyai implikasi dan konsikuansi yang terbesar.

Saya pun tertarik kepada hujah-hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Ada yang memberi cadangan yang bernas, tetapi ada setengah-setengah dahpada Barisan Nasional yang tidak memberi pandangan dengan sedalam-dalamnya,

mereka mengeluarkan hujah dengan tergopoh-gapah, dengan tidak tentu arahnya. Adakah mereka ini tahu bahawa saiz kakitangan Kerajaan yang lebih daripada 800,000.....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, ada Ahli Yang Berhormat bangun.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** 36 (6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Beri jalan?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Dia bagi sakit hati Ahli Barisan Nasional, kalau hendak bercakap-cakaplah! (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Larut memang dia berfikir dengan tak tentu fasalnya sehingga menjadi larutan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan, jangan berlarutan. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Larut bangun lagi.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** 36 (6) lagi. Sekarang dia bagi sakit hati saya sendiri, (*Ketawa*) minta tarik balik, pada hal dia doktor pun bukan doktor apa, doktor panadol sahaja! (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, jangan menyakiti hati, ya. Teruskan ucapan, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Larut ini

memang dia tidak berminat untuk perbincangan ke atas Rang Undang-undang yang begitu penting, cuma dengan perkara remeh-temeh sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Mujur Arau tidak ada. (*Ketawa*) Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Bayan Baru dan juga setengah-setengahnya daripada Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai keadilan yang hendak dilakukan ke atas pegawai-pegawai yang dikenakan penalti kerana melakukan kesalahan.

Walaupun bagaimanapun, yang penting bagi saya ialah kerana dasar Barisan Nasional yang tidak begitu memandang jauh sehingga mengambil lebih banyak kakitangan Kerajaan pada 10 atau 20 tahun ini. Terutamanya di dalam 10 dekad ini mengambil dengan lebih banyak sehingga lebih 800,000 kakitangan Kerajaan. Ini sudah menjadi satu beban yang besar bagi Kerajaan dan bagi rakyat,

Saya dapati bahawa kalau kita kira pada tahun 1981, pencen yang dibayar kepada pesara ialah \$573 juta. Ini meningkat pada tahun 1988 sampai \$1 bilion iaitu lebih \$963 juta dan untuk tahun 1989 ini meningkat kepada lebih \$1 bilion wang yang dibayar untuk pencen. Walaupun pada tahun lepas dianggarkan lebih \$841 juta wang pencen, tetapi saya percaya tahun lepas pun sudah meningkat kepada lebih \$1 bilion dan tahun ini ia dianggarkan lebih \$955 juta. Saya percaya ia akan meningkat lagi lebih dari \$1 bilion. Ini satu beban yang berat untuk rakyat dan kita terpaksa mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini.

Walaupun bagaimanapun, cara-cara yang tergesa-gesa, yang tergopoh-gapah, yang tidak leniu arah Barisan Nasional ini telah mengadakan satu pindaan dengan terburu-buru. Mengapa saya kata terburu-buru, kerana pada bulan Oktober

tahun 1989, pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan, telah menyampaikan hasrat untuk mengurangkan saiz kakitangan awam dan juga menghapuskan skim pencen. Itu hasrat dia. Kemudian, saya mendapat tahu pihak Kabinet sudah menyiapkan satu Kertas Kabinet pada bulan September 1990 dan dengan pertimbangan Kabinet sejak bulan September tahun lepas, maka satu pindaan diadakan ke atas Akta Pencen. Ini menunjukkan kajian ke atas implikasi dan konsekuensi yang tidak mendalam, yang tidak komprehensif.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Setar bangun. Hendak beri jalan?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong. Saya fikir dia bercakap ini bercanggah dengan kawannya yang di sebelah itu. Tadi Yang Berhormat dari Bayan Baru mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan mengambil masa setahun, terlalu lama untuk membentangkan Rang Undang-undang ini tetapi kawan yang di sebelah kirinya mengatakan Kerajaan terburu-buru pula. Saya minta penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat tadi itu bila dia berada di dalam Dewan, dia tidak mendengar dengan betul-betul. Kalau tidak silap saya, mungkin berdekur pula!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya ingat Yang Berhormat dari Kepong itu tidak ada dalam Dewan semasa Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi bercakap. Tanya kawan sebelah itu dahulu apa dia cakap.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah berbincang dengan dia dan saya dengar apa yang dia katakan. Dia tidak kata isi kandungan itu, apa yang dia kata ialah langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah menanggung dengan lama. Kalau dia ada hasrat untuk mengadakan satu pindaan ke atas ini, dia lebih awal lagi, mungkin setahun yang lepas telah menubuhkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji dengan komprehensif akan implikasi dan konsekuensinya yang tidak disedari oleh Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Betulkah Yang Berhormat dari Kepong ini faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru itu?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini memang dia hendak menyalahkan pihak kami sahaja.

**Beberapa Ahli:** Memang salah!

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang penting sekali adakah dia tahu di dalam negara ini umur hidup bagi orang lelaki sampai lebih 70 tahun dan untuk kaum perempuan. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, yang pandang sebelah sana itu fasal apa?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini memang saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Style, ya? Yang Berhormat, teruskan. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Walaupun saya buat macam ini, ada kerlingan dari pihak sana. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Larut.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Penjelasan, apa yang hidup sampai 70 tahun itu? (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Mungkin termasuk Yang Berhormat dari Larut. Kalau ikut umur kehidupan.....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong, dia bangun lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Itu satu minit sahajalah, bila saya terangkan apa Yang Berhormat tidak faham itu, saya berilah peluang sedikit kemudiannya. Jadi umur hidup rakyat Malaysia sudah meningkat sampai 70 tahun bagi lelaki dan bagi perempuan lebih tua lagi kerana survival bagi perempuan lebih baik.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (Bangun)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Larut dahulu. Hendak beri jalan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, yang mana satu, di situ atau di sini? Nampaknya mereka ini tergopoh-gapah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong, hendak beri jalan?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** 70 tahun itu, bangkang sahaja! (*Ketawa*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya selepas saya bangun tadi, dia sudah mula meraba-raba.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya tidak raba, itu memang style saya. Saya tidak raba. Dengan itu menunjukkan bahawa saya membangkitkan perkara-perkara yang sangat relevant dan dengan itu umur hidup bagi purata rakyat Malaysia itu meningkat dan kita memang hendak tahu bagi tiap-tiap kakitangan Kerajaan, kalau kita hendak latih, sekurang-kurangnya 15 tahun ataupun 20 tahun. Yang ada di belakang itu yang berkerja dengan kuat, bertungkus-lumus 15 tahun, 20 tahun, 25 tahun sampai menjadi pakar. Takkan hanya 5 tahun seperti Yang Berhormat di situ, dia masuk 5 tahun sudah jadi pakar, tidak boleh! Ini mengambil masa yang panjang untuk melatih ahli perkhidmatan awam yang cekap, yang berpengalaman, yang berilmu.

Dengan masa yang begitu panjang, wang yang begitu banyak untuk melatih kakitangan-kakitangan Kerajaan iiu, tak sampai umur 40 tahun dia hendak galakkan bersara walhal dia ada lebih 30 tahun lagi.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong, dia bangun lagi. Beri jalan?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan tadi.....

**Dr Tan Seng Giaw:** . . .adakah dia pernah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam, Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar. Kepong hendak beri jalankah?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan tadi, kawannya di sebelah itu berkata kita mengambil masa terlalu lama dan dia pula berkata kita ini membuat dengan tergesa-gesa. Itu saya minta penjelasan, dia tak jelaspun, dia pergi melilau rata ceruk! (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu ketinggalan zaman. Kita beralih kepada perkara yang lain sekarang, dia masih tinggal songsong macam itu. (*Ketawa*) Kita sekarang hendak bincangkan tempoh yang diperlukan untuk melatih kakitangan Kerajaan yang berilmu, yang berpengalaman, yang cekap, sekurang-kurang 15 tahun ataupun 20 tahun, bagi dia 5 tahun cukup, mungkin.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi, Kepong!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya minta bincang dengan sahabatnya di sebelah dahulu sebelum Yang Berhormat dari Kepong hendak bercakap. Bincang dahulu supayajangan bercanggah dalam Dewan ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat itu tidak faham apa yang kita bincangkan di sini. Sebenarnya dia tidak menganggap yang isi kandungan Rang Undang-undang ini penting. Sikap seperti ini tidak seharusnya ada di dalam Dewan yang mulia ini. Kita boleh maafkan dia

kerana dia orang pertama kali masuk. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, teruskanlah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekalinya dengan adanya Rang Undang-undang ini kita perlu mempertimbangkan bahawa sama ada lebih 370,000 orang di kategori A sampai kategori C ini berapa orang yang akan bersara opsyen? Sama ada lebih 40,000 ataupun 10,000 yang akan bersara selepas lulusnya Rang Undang-undang ini kerana mereka ini memang yang diperlukan oleh pihak perkhidmatan awam. Contohnya, sekarang ada kekurangan jururawat, kekurangan doktor, kekurangan jurutera, kekurangan akauntan, guru-guru, entah berapa bidang lagi kekurangan.....

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Padang Terap.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kepong ini dia sudah confused, dia telah keliru di antara kekurangan dari segi absolute dengan kekurangan dari segi slruktural (structural). Jadi, apa yang disebut tadi adalah kekurangan structural. Jadi, pada hakikatnya bilangan pegawai Kerajaan dari segi absolutenya adalah melebihi daripada apa yang patut. Ini untuk penjelasan untuk tolong dia berhujah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat dari Padang Terap, padang yang penuh dengan pokok terap. (*Ketawa*) Kalau bilangan pokok terap itu ada absolute dengan structurenya kerana konsep dia sentiasa membangkitkan teori cakerawala. (*Ketawa*) Teori relativiti pun dia bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita menghadapi kekurangan kakitangan profesional, teknisyen dan sebagainya di dalam Perkhidmatan Awam. Adakah akan berlakunya penghijrahan, bukan seperti struktur, absolute yang dikatakannya, pengaliran.....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 35 (1). Point of order ini mengatakan, bila seseorang ahli hendak bercakap, dia mesti hala muka dia kepada Tnan Pengerusi. Dia hala muka rata. *(ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong, saya sudah beritahu tadi. Kemungkinan stail dia hala ke kiri. *(Ketawa)*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya hendak menghadap kepada Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada kerlingan dan kadangkala daripada Larut pun ada menggamit dan sebagainya, saya tak bolchlah hendak tengok apa yang dia menggerak-gerakkan tangannya. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, dengan kekurangan ahli-ahli yang terlatih di dalam Perkhidmatan Awam sekarang, adakah dengan kelulusan Rang Undang-undang ini lebih banyak lagi akan bersara secara opsyen? Walaupun mereka tidak lari, saya berharaplah tidak lari daripada negara ini, akan menceburkan diri mungkin di dalam sektor swasta ataupun di projek-projek penswastaan, kebanyakannya begitu, kita hilang daripada Perkhidmatan Awam tetapi untung dari segi masyarakat umum, itu saya tak tahu bilangannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan mesti memberi pertimbangan yang lebih mendalam apakah akibatnya dengan kelulusan Rang Undang-undang ini.

Memang isi kandungan Rang Undang-undang ini ialah dengan mengadakan skim persaraan opsyen dengan menurunkan umur persaraan

opsyen dan juga dia tidak termaktub di dalam ialah dasar untuk mempercepatkan kadar penswastaan. Nampaknya pihak Kerajaan hendak ambil kakitangan yang terlatih daripada Perkhidmatan Awam untuk projek-projek penswastaan. Kalau kita tak silap dengan penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan, kebanyakan jurutera datang dari Perkhidmatan Awam. Adakah Yang Berhormat Menteri sudah meneliti kejadian seperti ini? Adakah maksud Rang Undang-undang ini hendak menarik lebih banyak kakitangan Kerajaan Perkhidmatan Awam untuk maksud mempercepatkan kadar penswastaan?

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak kira di sini bahawa ada satu ketika pihak Kerajaan sudah meningkatkan umur persaraan kepada 60 tahun, tetapi scjurus selepas itu dengan tiba-tiba dia turunkan balik kepada 55 tahun. Itu dasar Kerajaan yang tidak tentu arah dan tidak tentu fasalnya. *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua, ada desas-desus.. .. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan, Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Gangguan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jangan ganggu Kepong. Silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya. Yang kita hendak mempertimbangkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya sebutkan tadi mengenai umur hidup yang panjang bagi wanita dan bagi lelaki, terutamanya bagi orang-orang yang terlatih, dengan persaraan opsyen ini apakah yang akan mereka buat selepas bersara? Mungkin tidak banyak yang akan menceburkan diri di dalam sektor swasta. Misalnya, kalau ada daripada kategori A sampai kategori C kalau ada 370,000 orang, peratusan akan bersara dan peratusan akan menceburkan diri di dalam sektor swasta.

Ini penting. Kalau mereka bersara pada umur 40 dan kemudian balik ke rumah sahaja, tidak buat apa-apa, ini satu kerugian kepada negara. Satu kerugian yang besar. Bagi saya, saya tidak kira siapa termasuk Padang Terap pun boleh, Larut pun boleh, siapa pun boleh, Arau pun boleh. Kalau dia sampai 60,70 tahun lagi, dia masih fikiran yang baik, saya tidak nampak dia tidak boleh berkhidmai lagi, tidak boleh memberi sumbangan yang baik. Ini mesti boleh. Tetapi kita hendak galakkan bersara awal lagi, apakah maksud selain dahpada hendak menjimatkan wang. Saya diberitahu bahawa. ....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Larutbangun, Kepong.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Adakah sumbangan yang difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang fikirannya cetek ini hanya boleh diberi kepada Kerajaan, sedangkan kita mahu sumbangan banyak diberi bukan kepada Kerajaan sahaja, bahkan kepada masyarakat dan DAP tidak ada bagi sumbangan apa-apa pun. Bercakap bukan main dengan falsafah-falsafah, saya sampai sudah naik boring, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah Yang Berhormat dari Larut ini dia perangai macam itu. Tabii itu tidak boleh menggamit pula, menggerak-gerak tangan sehingga kepala bergerak-gerak begitu. Tidak payah hendak bergerak kepala pula.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong, ada bangun lagi, dua yang bangun. Beri peluang kepada sana di hujung sekali —Blok D.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Standing Order berapakah boleh Tuan Yang di-Pertua berhentikan dia. Saya cari tidak jumpa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat satu lagi.

**Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain:** Larut, dia menggerak-gerak tangan sahaja, tetapi Yang Berhormat dari Kepong, dia meraba-raba. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia bukan menggamit tadi, cuma janggut pun menggerak pula. (*Ketawa*) Sampai misai dan janggut bergerak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun lagi sebelah sana, tidak ada janggut yang bangun.

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sedih dengan Ahli dari Kepong kerana dia bersenda-sendakan Bahasa Malaysia. Perkataan 'gamit' adakah beliau tahu apa perkataan gamit. Seperti perkataan 'songsong' digunakan pada tempat yang tidak kena. Ini saya rasa pencemaran yang dilakukan oleh pihak Pembangkang. Terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Sulong dengan parit yang begitu sulong itu *memang*. (*Ketawa*) Parit begitu sulung, fikiran pun sulung juga.

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong bangun lagi, Kepong.

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya parit yang sulung, sebab itu saya tegur. Kalau tidak, habis semua kita kena kepong di dalam pemikiran yang cetek.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau parit yang sulung dan fikiran yang sulung dan kelam-kabutlah, lintang-pukanglah pula. Dia hendak jadi guru kepada saya, saya pun terima juga, tetapi janganlah gunakan parit dengan fikiran yang sulung.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, teruskanlah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia hendak kacau saya. Saya hendak sampaikan pendapat saya mengenai begitu perlunya kita fikir dan timbang sedalam-dalamnya mengenai perkembangan masyarakat. Umur meningkat, kehidupan umur itu meningkat, Dan lebih banyak penduduk-penduduk Malaysia dengan umur, yang kian meningkat, yang masih sihat sama ada secara fizikal, bahkan secara fikiran dan otak—otak yang masih waras. Dan walaupun Yang Berhormat dari Parit Sulong, kadangkala tidak tentu arah, tetapi mungkin dia masih waras lagilah. Saya pun berharap sampai umur 70 pun dia masih fikiran baik lagi. Dan dengan ini kita hendak mempertimbangkan kalau masyarakat umur itu meningkat dan masih sihat, dengan adanya Rang Undang-undang seperti ini, apakah akan terjadi dengan masyarakat ini? Kita mesti ada. ....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Ya,** Kepong, Arau bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya lihat dan saya dengar perbincangan tadi, pada keseluruhannya DAP menentang Rang Undang-undang ini iaitu persaraan lebih awal. Apakah Yang Berhormat

sedar, ini saya secara serius, saya tidak suka bergurau-gurau lagi, bahawa pegawai-pegawai Kerajaan terdiri daripada kebanyakannya 70% bumiputera. Dan kita dapati apabila mereka minta bersara awal ini membolehkan mereka masuk ke dalam pasaran pihak swasta. Dengan itu, kita akan dapat orang-orang yang lebih berkalibar di kalangan pegawai Kerajaan untuk masuk bersama-sama bertanding dengan pihak bukan bumiputera dalam sektor swasta. Adakah dengan cara penentangan Yang Berhormat itu menunjukkan Yang Berhormat tidak mahu bumiputera masuk sama-sama dalam sektor swasta? Dan saya yang lebih kagum dan hairan sekali lihat orang sebelah Yang Berhormat itu juga bumiputera, tetapi dia juga menentang. Adakah dia juga pemikirannya telah diselewengkan atau dipesongkan oleh DAP, yang songsong oleh DAP.....

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: .... menyebabkan dia tidak boleh berfikir waras lagi untuk menyokong Rang Undang-undang ini untuk membolehkan penyerlaan bumiputera dengan lebih aktif lagi dalam sektor swasta yang berkenaan. Yang Berhormat itu juga ialah ahli Majlis Perunding bersama dengan saya. Dalam Majlis Perundingan pun dia bukan menyokong sangat, dia terlampau liberal, saya pun tidak tahu, tetapi kita lihat cara pemikiran itu boleh merosakkan perpaduan negara, boleh merosakkan penyertaan bumiputera. Bolehkah Yang Berhormat dari Kepong jawab dahulu, kemudian Yang Berhormat dari Bayan Baru lanya saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya,** Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Arau ini dia memang tabii arau-mengarau.

Kita hendak bincang secara serius, secara menyeluruh, tetapi dia hendak tumpukan kepada sebutan ras dan kaum sahaja. Saya tidak kata 100% Rang Undang-undang ini salah. Cuma saya meminta pihak yang membentangkan Rang Undang-undang bertikir dengan lebih mendalam. Adakah dia tahu Yang Berhormat dari Arau bilangan yang akan menyertai pihak swasta kalau diadakan Rang Undang-undang ini? Adakah dia tahu apa akan terjadi dengan orang berkalibar yang tinggalkan Perkhidmatan Awam? Apa kita hendak buat untuk memperbaiki sekiranya jurutera-jurutera daripada Perkhidmatan Kerajaan yang berkaliber itu sampai umur 40 itu dia tinggal semua. Misalnya kalaulah sepertimana yang dianggapkan, yang difikirkan oleh Yang Berhormat dari Arau semuanya masuk ke sektor swasta, kalaulah, saya pun tidak tahu, ini andaian sahaja.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Padang Terap bangun.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:**  
Bolch saya sambung? Walaupun kita tidak tahu beberapa orang yang akan tinggal, tetapi kita tahu bahawa trend yang akan berlaku ialah banyak orang yang akan berhenti apabila wujud satu bentuk ganjaran yang lebih daripada apa yang ada dalam birokrasi Kerajaan. Dan dari segi sambutan yang ada pada masa ini menunjukkan kepada trend itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, yang satu saya boleh bersetuju dari sebahagiannya iaitu memang ada banyak frustrasi, banyak rungutan dan sungutan-sungutan mengenai syarat-syarat dan terma-terma perkhidmatan dan juga peluang-peluang untuk kenaikan pangkat. Memang ada di kalangan perkhidmatan awam. Saya boleh bersetuju bahawa ada sebahagian

akan tinggal dalam perkhidmatan itu, tetapi kita tidak tahu, cuma ada Kertas Kabinet sahajalah yang buat itu satu laksiran. Tetapi kita tidak ada satu laporan Suruhanjaya misalnya yang lengkap, yang komprehensif, yang dapat dibentangkan di sini tidak boleh tihat.

**Dato' Dr AfTifudin bin Haji Omar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Padang Terap bangun lagi.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Tuan Yang di-Pertua, kalau saya kata 300,000, adakah Yang Berhormat akan menerimanya?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak boleh terima kerana itu satu anggaran atau andaian. Saya tidak boleh terima. Setahu saya, Yang Berhormat, ada 370,000 kakiiangan di dalam kategori A sampai C. Bilangan akan tinggal saya tidak tahu. Cuma andalan sahajalah. Arau pun dia hendak andai sahaja, dia mimpi-mimpi dia kata memang ada 300,000. Itu sahaja dia buat. Igau-igauan ini tidak payahlah kita hendak berbahas.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Arau bangun, Kepong.

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Bangun*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay, you dulu.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Arau saya rasa sengaja hendak melibatkan saya dalam perbincangan ini. Saya rasa kalau saya tidak silaplah Yang Berhormat Arau tidak ada di sini semasa saya berucap. Dia pun saya rasa datang

lewat petang dan dia cuba hendak menuduh bahawa saya bersama dengan Yang Berhormat dari Kepong membantah ataupun tidak menyokong Rang Undang-undang ini.

Apa yang diperbincangkan dengan cara luas yang saya fahami adalah berhubung dengan implikasi tentang pelaksanaan pindaan Rang Undang-undang ini. Dia tidak lebih daripada itu mengatakan dia tidak sokong ataupun menyokong tentang Rang Undang-undang pindaan kepada yang dicadangkan itu.

Jadi saya rasa biarlah kita beri peluang kepada Yang Berhormat dari Kepong untuk memberi pandangannya kerana mungkin dia akan menjadi satu bahan yang penting bagi pihak Kerajaan untuk menimbang dengan secara halusi tentang apa juga sebarang implikasi yang mungkin timbul daripada pelaksanaan Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Arau bangun lagi, Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Itulah pandangan orang yang berfikiran baik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Arau bangun lagi, Kepong. Hendak ben jalan atau tidak?

**Dr Tan Seng Giaw:** Boleh.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Sekurang-kurangnya ada pertelagahan pendapat dalam DAP sekarang. Sebodoh-bodoh orang pun kalau dengar Kepong bercakap dia memang menentang Rang Undang-undang ini. Kalau Barisan Nasional bercakap, yang pertama dia akan berkata "saya menyokong Rang Undang-undang ini", lepas itu dia sambunglah implikasi, dia

bantai sana sedikit, sini sedikit. Tetapi Kepong dia bangun-bangun, dia menentang terus. Siapa yang dengar pun, baik anak saya umur 12 tahun yang dengar pun dia tahu ini Kepong menentang, tidak payah orang yang terhormat di sini dengar. Memang tahu menentang Rang Undang-undang ini. Tetapi saya bersyukur sekurang-kurangnya DAP sudah bertelagah pendapat—bagus.

Yang Berhormat, saya maklumkan bahawa saya mari ke sini 2.35 petang. Saya duduk dengar Yang Berhormat bercakap itu sebab saya masuk tadi. Saya tidak pernah tinggal Parlimen dan datang lewat kecuali hari ini, lima minit lewat. Hari lain tidak ada masalah.

Jadi, sekarang ini saya hendak sebut Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sekurang-kurangnya pencen awal ini boleh menggalakkan mereka-mereka yang berminat, yang berkelayakan masuk ke dalam sektor swasta dan bersama-sama dengan bukan bumiputera untuk bertanding dalam sektor swasta yang sekarang ini kita dapati yang bumiputera amat berkurangan. Cara Yang Berhormat menentang sebenarnya Yang Berhormat menentang penyertaan bumiputera dalam sektor swasta. Kalau mana-mana S46 dan PAS menentang Rang Undang-undang ini juga menentang penyertaan bumiputera. Saya kesal. Dia orang tidak fikir, dia orang cuma buat implikasi kiri dan kanan, tidak fikir matlamat yang sebenarnya iaitu ke arah kita mendapatkan orang-orang yang berkaliber supaya menyertai sektor swasta.

Yang Berhormat menentang bermakna Yang Berhormat menentang penyertaan bumiputera dan menentang penyertaan bumiputera bermakna menentang perpaduan. Menentang perpaduan tidak ada hak berada di sini.  
(Ketawa)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, pada mula lagi saya kata akan implikasi dan konsekuensi Rang

Undang-undang ini. Tetapi Yang Berhormat tidak dengar. Memang dia mimpi-mimpi sahaja, dia hendak menyalahkan orang. Kalau yang baik saya katakan baik di sini. Ada Rang Undang-undang yang saya sokong. Ini implikasi dan konsekuensi yang tidak saya ketahui.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat sekejap tadi menyebut Kerajaan dulu pernah menaikkan umur pensyen ke-60. Sekarang mahu turun 40. Kerajaan kelam-kabut, Yang Berhormat kaia. Tadi baru kaia. Cara pendekatan Yang Berhormat itu menunjukkan Yang Berhormat menentang pensyen awal. Penentangan pensyen awal menentang perpaduan, Sebab ia menentang penyertaan bumiputera. Ini kena baca inti-pati. Dalam undang-undang-punkita kena baca inti-pati atau isi hati undang-undang itu bukan dia baca perkataan-perkataan. Kenapa Kerajaan berbuat begini, lihat dia punya inti-pati. Jangan songsongkan fikiran orang, Kepong! (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sila teruskan. Beri dia peluang untuk membuat ucapannya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang di dalam Rang Undang-undang ini mana ada cakap, ada termaktub di dalamnya kata hendak bumiputera sahaja yang masuk ke swasta di dalamnya. Tidak ada satu perkataan pun. Hujah dari pembentang tadi, Yang Berhormat Menteri, dia tidak satu kali pun sebutkan perkataan bumiputera. Jadi siapa yang betul, adakah Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Arau tidak ada lagi Kepong. Dia tidak ada tagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Dah tidak boleh dia. Tidak boleh dah. (*Ketawa*) Jadi maksud saya hari ini ialah kita tidak

mahu nasi sudah menjadi bubur. Kita tidak mahu terhantuk baru tengadah! Kita tidak mahu. Kita hendak fikir dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang saya sebutkan tadi mengenai pengaliran orang-orang yang pandai daripada perkhidmatan awam kepada bidang swasta ataupun ke tempat yang lain. Ini satu masalah yang serius. Kalau bumiputera hendak masuk ke swasta yang boleh memberi sumbangan, itu satu perkara yang baik. Tetapi itu bukan satu buah perbincangan sekarang. Yang dibincang ini secara menyeluruh, secara perspektif-perspektif yang mendalam.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat juga bercakap mengenai implikasi, konsekuensi tadi. Apa yang dicakap oleh Arau pun implikasi daripada Akta ini iaitu hendak memasukkan bumiputera dalam perniagaan. Dia cakap implikasi boleh, orang lain cakap tidak boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat Padang Terap ini sengaja hendak membelakan rakan, rakan terbaik. Dia balik ke teori cakerawala. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dia kata dengan sedemikianya memang Kerajaan boleh menjimatkan wang. Boleh menjimatkan wang mungkin sampai \$100 juta setahun. Juga saya nampak ada usaha dengan pengambilan kakitangan Kerajaan ada kurang sedikit sekarang. Biasanya tiap-tiap tahun 10,000 sekarang kurang kepada tidak sampai 4,000. Telah dikurangkan dan maksud Rang Undang-undang ini hendak kurangkan saiz kakitangan Kerajaan. Itulah maksudnya hendak menjimatkan perbelanjaan, berdasarkan penjimatan dan hendak mengurangkan saiz sahaja, Tetapi tidak sebut implikasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau itu.

Tuan Yang di-Pertua, suka lah saya bangkitkan di sini keperluan untuk mengadakan, walaupun lewat, satu Suruhanjaya untuk mengkaji akan implikasi dan konsekuensi Rang Undang-undang seperti ini ke atas masyarakat, dengan perkembangan dan kemajuan masyarakat sekarang, apakah akan terjadi kepada penduduk-penduduk Malaysia. Itu yang penting dan dengan inilah saya. . . .

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong, ada yang bangun lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Boleh.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Sejak saya masuk ke dalam Dewan ini, saya fikir cadangan DAP ini tak kurang daripada 20 untuk menubuhkan Suruhanjaya. Saya tak tahu cukupkah orang yang hendak menjadi ahli dalam Suruhanjaya ini. Saya minta penjelasan, kerana sudah banyak sangat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada banyak selain daripada lebih 800,000 orang kakitangan Kerajaan, ada pakar-pakar yang lain di dalam masyarakat kita yang boleh, yang layak untuk menjadi anggota Suruhanjaya untuk mengkaji dengan komprehensif, dengan menyeluruh atas implikasi dan konsekuensi Rang Undang-undang seperti ini yang terpenting, dan saya lihat semua kakitangan Kerajaan yang ada di sini sangat asyik untuk mendengar, untuk mengetahui.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong, dia bangun lagi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Kepong itu macam Election Watch yang mereka adakan semasa pilihan raya baru-baru ini. Adakah orang-orang yang dicadangkan itu terdiri daripada mereka yang sama untuk ahli Suruhanjaya ini?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia sekarang hendak lari pula ke Election Watch sekarang. Kita mahu anggota-anggotanya secara perunding, dia boleh masuk secara perunding, orang-orang yang diterima oleh Barisan Nasional dan diterima oleh pihak Pembangkang. Orang-orang yang benar-benar ikhlas, jujur dan adil. Orang sepeni itu. Jadi, tidak payah untuk mencari orang seperti jini. Kalau Kerajaan Barisan Nasional ikhlas dan jujur, memang tak payah untuk mencari orang yang boleh menjadi anggota-anggota Suruhanjaya seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Arau bangun lagi, Kepong.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya ingin bertanya setakat ini ada berapa ratus Suruhanjaya yang telah dicadangkan oleh DAP. Saya ingat tiap-tiap kali bahas Rang Undang-undang, satu Suruhanjaya diadakan. Jadi, adakah kita hendak wujudkan di negara ini "negara Suruhanjaya Diraja"? Itu nombor satu.

Yang kedua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, semua Ahli-ahli BN ini orang yang layak untuk jadi ahli mana-mana Suruhanjaya, sebab kita Kerajaan yang adil, kami pun orang yang adil, saya di antara orang yang teradil.

Yang ketiga, saya ingin bertanya, apakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam tingkat empat-puluhan itu, banyak orang-orang, kalau untuk pegawai tinggi dalam Superscale F ataupun E dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat sedar dengan mereka ini berhenti dan pergi menceburkan diri ke lapangan lain,

memberi peluang kepada orang yang beratus-ratus sekarang ini stuck tak boleh naik pangkat. Sebab tidak ada kekosongan jawatan. Apabila mereka pergi, badan sahaja yang pergi, jawatan ada. Ini point yang pegawai Kerajaan hendak dengar sekarang iaitu peluang kenaikan pangkat kepada mereka. DAP tidak ada seorang pun timbulkan benda ini. Sekarang wakil Barisan yang menimbulkannya. Dalam perkara ini di antaranya wakil Mas Gading (Sarawak) di antara yang menyokong cadangan ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat keliru sedikit. Yang Berhormat Arau memang dia sentiasa keliru, kabur, lintang-pukang. *(Disampuk)* Ya soalnya, itu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, untuk Rang Undang-undang ini-cuma satu cadangan sahaja. Bukan seribu ataupun sejuta Suruhanjaya—satu sahaja yang diperlukan. Tak payah kita hendak adakan dengan lebih banyak. Satu sahaja cukuplah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong, satu lagi bangun.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak minta penjelasan, menubuhkan sebuah Suruhanjaya dan untuk sebuah Suruhanjaya Mengkaji Rang Undang-undang di hadapan kita ini akan mengambil masa yang agak panjang lagi. Adakah Ahli dari Kepong itu sudah berunding dengan Ahli dari Bayan Baru yang tadi mengatakan Rang Undang-undang ini dibentangkan pun sudah lewat sangat, sudah lambat dan kalau dibuat Suruhanjaya pula lagi akan mengambil masa lagi. Ini satu pertentangan pandangan antara dua orang Ahli DAP.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kerana saya liberal, demokratik, saya benarkan semua yang hendak mencelah. Hendak ganggu pun, saya beri juga, tetapi janganlah kita gunakan peluang itu dengan tidak baik. . . .

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bertanya dengan Yang Berhormat dari Kepong yang pemikirannya terkepung. Saya bercakap ini untuk bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua, mengenai ruling 35 (7), adakah Tuan Yang di-Pertua berhasrat hendak menggunakan Peraturan 35 (7). Nampaknya kita berputar-putar tak habis-habis dalam konteks yang terkepung, pemikiran yang terkepung. Saya rasa elok kita gunakan Peraturan 35 (7).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita belum ada beri notis lagi tentang had masa itu. Jadi, Kepong adakah masih panjang lagi ucapannya?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ucapan saya tak panjang lagi, kalau tak ada gangguan, itu senang sahaja. Tetapi selepas saya keluarkan satu cadangan, ada gangguan, pelbagai gangguan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jangan beri jalan, teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat dari Kuantan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, ada gangguan lagi nampaknya, Tasek Cenderoh.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Minta satu penjelasan lagi. Sebab, permintaan, penjelasan dari saya tadi seolah-olah dianggap sai gangguan yang sengaja, tetapi yang sebenarnya adakah Ahli dari Kepong itu scdar bahawa Rang Undang-undang di hadapan kita inipun sudah mengambil masa sebagaimana yang disebutkan oleh ahli Bayan Baru tadi, bagi pihak Kabinet dan Kementerian dan juga Barisan Nasional mengkaji tentang segala implikasi dan konsekuensinya dan inipun sudah dianggap sebagai sudah

mengambil masa yang lama seperti yang disebutkan oleh Ahli dari Bayan Baru. Dan kalau kita pada hah ini hendak mencadangkan Suruhanjaya Pilihanraya pula pada satu Rang Undang-undang yang penting yang patut disegerakan sekarang ini sebagaimana pentingnya implikasi yang dianggapkan oleh Ahli dari Arau tadi, adakah kita hendak melambat-lambatkan lagi dan ini yang sebenarnya persoalan yang saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tasek Cenderoh yang cenderung kepada Suruhanjaya Pilihanraya, tak payah kita hendakadakan Suruhanjaya Pilihanraya, kerana itu sudah ada sekarang. Cuma kita hendak mengemaskini dan memperbaiki prestasinya sahaja.

Tuan Yang di-Periua, yang penting sekali saya cadangkan diadakan Suruhanjaya seperti ini ialah untuk mengkaji bberapa implikasi dan konsekuensi termasuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau. Kerana maksud Rang Undang-undang ini ialah untuk mengurangkan saiz Perkhidmatan Awam. Dan dengan adanya yang meninggalkan perkhidmatan itu, jadi jawatan itu mungkin akan dibalalkan ataupun dibekukan. Kalau tidak, macam mana hendak kurangkan saiz? Macam rmana hendak kurangkan sai/, *(Disampuk)* No, no, no. Kalau hendak kurangkan saiz, mestilah pengambilan kurang dan apabila ada yang bersara, tidak diambil lagi. Jadi, tidak disebutkan di sini, dalam Rang Undang-undang ini—apakah akan terjadi kepada mereka?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Underslood.

**Dr Tan Seng Giaw:** Understood, dia kata. Saya hendak tekankan di sini, bukanlah saya kata pension ini tidak

boleh disentuh, tidak boleh diubah, kerana perkembangan masyarakat dan pancaroba dan pergolakan manusia termasuk daripada Arau dan Padang Terap dan juga Tasek Cenderoh, kita mesti ubah daripada semasa ke semasa. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, there is nothing sacrosanct about the pension scheme that it is untouchable, of course is touchable. Saya tidak mencadangkan kita tak mahu ubah, tak mahu tukar, tak mahu mengemaskinikan. Itu memang kita hendak buat, tetapi apa yang saya cadangkan, kita hendaklah adakan kajian yang lebih teliti akan implikasi dan konsekuensinya dan Ahli Yang Berhormat dari Arau pun tak tahu sama ada apabila pegawai yang tertatih itu telah tinggalkan, jawatannya akan dibekukan, akan dibatalkan. Dia tak tahu, dia "understood" dia kata. Dia memang, mujurnya dia bukan peguam.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, kalau sekiranya Yang Berhormat tidak tahu, saya tidak tahu, Yang Berhormat cadangkan kepada Kerajaan. Cadangkan kepada Kcrajaan supaya mereka yang berhenti meninggalkan jawatan, jawatan itu dikekalkan untuk membolehkan orang bawah naik pangkat, cadangkan! Nampak, cadangkan! Bersetuju dengan Rang Undang-undang ini men-cadangkan. ....

**Dr Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Nanti, saya tidak beri jalan! *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, teruskan Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kepong sepatutnya kalau sekiranya bersetuju

dengan Rang Undang-undang ini cadangkan kepada Kerajaan. Saya percaya Kerajaan akan mengambil tindakan dan Menteri yang menjawab, dia akan menjawab, "saya percaya ke arah tersebut". Kita sekarang ini mengurangkan jumlah, tetapi kita tidak mengurangkan jawatan itu. Jawatan tetap ada, macam kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, masih ada, Timbalan masih ada. Kalau Timbalannya bersara, orang yang bawah naik, tidak ada perbezaan.

Yang Berhormat dari Kepong kena tahu, saya bercakap, saya bekas pegawai Kerajaan yang senior juga sebelum saya masuk sebagai Ahli Parlimen. Sebab itu saya berani bercakap, lebih senior daripada Yang Berhormat dari Bayan Baru tahu! (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dr Tan Seng Giaw:** Dia hendak tuntutan seniority pula hari ini, walhal dia tinggalkan perkhidmatan itu, masih hendak tuntutan seniority. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya cadangkan ada Suruhanjaya, jadi macam mana kita hendak kurangkan saiz itu kalau ada yang tinggal kita tidak batalkan, kesemuanya itu kekal. Kalau kekal semua, macam mana saiz itu hendak dikurangkan? Itulah pokok dan prinsipnya. Saya cadangkan adakan Suruhanjaya untuk mengkaji hal-hal seperti ini sebab kita tidak tahu lebih besar, lebih teruk daripada yang diandaikan.

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kepong, ada yang bangun lagi, Parit Sulong. Hendak beri jalan?

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar sudah

hampir satu jam deliberaiion dahpada Yang Berhormat dari Kepong mengenai Rang Undang-undang ini di mana saya dapati beliau sentiasa berpusing-pusing. Jadi, saya harap beliau tegas kepada apa yang hendak dicakapkan dan menjawab soalan. Kalau tidak hendak jawab, tak usah, tetapi dalam hal ini, saya ingin bertanya mengapakah harus kita menubuhkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji Rang Undang-undang ini kalau beliau sendiri mendakwa berkemampuan untuk memberi pandangan? Ini adalah satu proses melambat-lambatkan, sedangkan DAP sendiri menjerit-jerit mengenai red-tape dan birokrasi red-iape di dalam Dewan dan di mana-mana. Jadi, saya harap bertikiran waras sedikit di dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang fikiran saya itu bukan waras (*Ketawa*) (*Tepuk*). Bukan sahaja waras, dia tidak dengar, bukan sahaja waras, bahkan juga tenang dan hening!

**Beberapa Ahli:** (*Disampuk*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Bukan sahaja waras, bahkan juga tenang dan hening (*Disampuk*) sebab saya beri peluang kepada semua. Parit Sulong, walaupun parit yang sulung saya beri dia pula (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiniddin):** Yang Berhormat dari Kepong, panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak panjang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, yang hendak saya gulungkan ialah mengenai begitu perlunya kita mengetahui kalau boleh pihak Kerajaan mengumumkan Kerlas Kabinet itu kepada orang ramai untuk mengetahui apakah kajian itu dibuat dan juga mengadakan satu Suruhanjaya untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya. Memang kalau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh mengadakan sumbangan daripada pencarum seramai 5 juta orang, kalau tambahkan sebahagian lagi, itu tidak jadi

masalah. KWSP itu saya tidak mempertikaikan kerana sudah ada 5 juta pencarum. Kalau tambahkan lagi tidak jadi apa-apa, itu bukan masalah.

Masalahnya yang penting sekali itu, keadaan yang ada di dalam perkhidmatan awam sekarang—frustration dan sebagainya dan syarat-syarat dan terma-terma di dalam perkhidmatan yang akan menyebabkan pengaliran, yang pertama.

Yang kedua, pihak orang yang profesional atau yang terlatih technician dan sebagainya akan keluar daripada perkhidmatan awam itu dan menyebabkan konsekuensi yang serius. Kalau Yang Berhormat dari Arau hendak pergi ke hospital—dia tidak ada sudah sekarang—Padang Teraplah, kalau dia tidak ada, ganti dia, dia hendak membelakannya. Yang Berhormat dari Padang Terap pergi ke hospital sekarang, jangan kita hendak tuntutan VIPIah, pergi ke klinik-klinik yang penuh sesak di situ kerana kekurangan doktor dan kekurangan jururawat—penuh dengan pesakit di situ. Kalau diadakan Rang Undang-undang ini, apakah akan terjadi dengan perkhidmatan seperti ini, terutamanya jurutera dan arkitek? Itu memang profesional.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Larut bangun Yang Berhormat dari Kepong.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Saya hendak minta penjelasan, klinik-klinik sesak itu fasal dia sendiri pun berhenti dari jadi doktor, yang pertama. (*Ketawa*)

Yang kedua, orang ramai sakit jiwa, sakit jantung kerana APU dahulu berjanji hendak beri macam-macam. Fasal itu sahaja. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi, saya hendak cadangkan satu lagi dengan Yang

Berhormat dari Larut ini, memang kita bawa dia ke Hospital Besar sekarang, saya takut kalau tidak mungkin dia akan terlatah lagi.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Larut bangun lagi.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Hospital Besar, jaga tunggu bawa naik saya ke atas tahu! (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang yang berani, yang baik, yang berdedikasi yang mempunyai ilmu yang ungggi, yang berpengalaman ada yang berani daripada Jabatan-jabatan Kerajaan yang akan meninggalkan perkhidmatan awam dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, tetapi bilangan itu saya tidak tahu, mungkin Kerajaan sendiri pun tidak lahu. Sebab itu ia buat kajian yang lebih mendalam untuk mendapat tahu apakah akan terjadi dengan kelulusan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian ke atas penghapusan usaha-usaha untuk menghapuskan pencen ini, kita mesti jalankan. Walaupun ianya bukan Sacrasanct, bukan tidak boleh diubah, tetapi walau bagaimanapun kerana sistem itu berjalan bertahun-tahun, berdekad-dekad, kalau hendak hapuskan dengan serta-merta, dengan lergopoh-gapah, itu akan padahnya, akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kementerian dapat mengambil perhatian apa yang saya sampaikan di sini kerana dari segi perspektif yang komprehensif bukan dari segi perspektif yang cetek, yang sempit sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau ataupun dari Larut. Dia memang hendak pesong, hendak mirip kepada Arau sekarang, jangan kita, Larut jadi Larut, jangan jadi Arau mengarau pula.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya berharap satu suruhanjaya ditubuhkan untuk tujuan yang telah saya sebutkan tadi. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Silakan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

6.22 *ptg.*

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrabim (Kuala Kedah):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian di dalam membahaskan Akta Pencen (Pindaan) 1990.

Pada beberapa pindaan-pindaan yang dibuat, saya hanya ingin menyentuh satu, dua perkara berkenaan dengan pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, berkenaan dengan Fasal 2 yang bertujuan untuk mewujudkan seksyen baru 6A dan selepas kita dapat membaca peruntukan-peruntukan di bawah pindaan ini, nampaknya option yang diberi kepada pegawai-pegawai untuk memilih Skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini adalah satu option yang dengan izin, irreversible, kalau saya fahamkan peruntukan yang diberi ini, oleh sebab pada seksyen 6A (3) disebutkan di sini: "Pelaksanaan option oleh seseorang pegawai di bawah seksyen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada masa dia disahkan dalam jawatannya dan hendaklah pada ketika itu menjadi muktamad". Maknanya tidak boleh dipinda-pinda ataupun tidak boleh dibuat pilihan yang lain selepas pilihan dibuat untuk memilih memasuki Skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, peluang yang diberi di bawah seksyen baru ini

bukanlah satu peluang yang baru. Saya difahamkan pada satu masa dahulu pun pihak pegawai-pegawai telah diberi peluang di bawah Cabinet Committee Report untuk membuat pilihan atau option sama ada untuk menduduki di dalam Skim Pencen ataupun di bawah di bawah Skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja. Pada masa itu banyak juga pegawai-pegawai merailih Skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja, oleh sebab Skim Pencen pada masa itu tidak menarik kepada pegawai-pegawai. Tetapi selepas itu Skim Pencen ini telahpun dipinda dan sudah menjadi satu skim yang menarik. Walau bagaimanapun, bagi pegawai-pegawai yang telah membuat option tidak ada peluang untuk mereka membuat pilihan semula ataupun membuat pilihan yang kedua sama ada untuk hendak balik kembali kepada Skim Pencen ataupun hendak meneruskan di bawah Skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri yang berkenaan, pihak Kerajaan, jika sekiranya seseorang itu membuat pilihan sekarang ini, apabila Akta ini diluluskan untuk memasuki Skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja, oleh sebab pegawai-pegawai ini mendapati bahawa skim ini menarik, sumbangan-sumbangannya banyak misalannya dalam masa sekarang ini, Skim EPF ataupun Kumpulanwang Simpanan Pekerja mungkin kadar sumbangannya lebih menarik daripada apa yang diberi di bawah Skim Pencen. Tetapi seperti yang saya katakan tadi, bila ada pindaan mungkin syarat-syarat di bawah mana pihak pekerja itu membuat pilihan untuk menduduki di bawah Skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini telah berubah dan sehinggalah akibatnya Skim Pencen lebih menarik daripada Skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja. Adakah pihak Kerajaan di dalam masa itu akan pula memikirkan cara mana untuk memberi peluang sekali lagi atau

peluang yang kedua kepada pihak pegawai-pegawai untuk membuat pilihan. Oleh sebab pada masa mereka membuat pilihan itu mereka telahpun membuat perhitungan untuk merancang masa depan kewangan mereka, untuk merancang rancangan-rancangan yang mereka akan ceburi khasnya apabila mereka boleh bersara lebih awal daripada masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah soalan yang pertama, adakah pihak Menteri atau Kerajaan akan membuat atau memberi peluang yang kedua kepada pihak pegawai-pegawai yang telahpun membuat pilihan?

Satu lagi perkara yang ingin saya cadangkan, oleh sebab ini ada juga kaitan dengan kriteria-kriteria yang akan digunakan oleh pihak seseorang pegawai untuk membuat pilihan. Adakah pihak Kerajaan akan bercadang di masa-masa yang akan datang untuk mewujudkan satu lagi peruntukan bagi waris-waris ataupun menambahkan lagi waris-waris yang boleh menikmati pencen seseorang pegawai itu?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya difahamkan waris-waris yang mendapat nikmat daripada Skim Pencen pegawai-pegawai ini ialah isteri dan anak-anak pegawai itu sahaja. Tetapi ia tidak diperluaskan misalannya kepada ibu bapa pegawai itu ataupun kepada orang-orang lain. Dalam masa yang sama kita menekankan supaya dasar Kerajaan sekarang ini hendaklah mewujudkan satu masyarakat yang penyayang dan saya rasa sebagai masyarakat yang penyayang, sudah tentulah pegawai-pegawai pun ingin memikirkan juga berkaitan dengan kepentingan dan kebajikan ibu bapa masing-masing. Mungkin sekarang ini mereka telah membuat pilihan untuk memilih Skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja, oleh sebab ini adalah

lebih menarik. Duit ataupun wang imbuhan boleh dapat dengan sekaligus, tetapi apabila mungkin dipinda pula di masa yang akan datang Skim Pencen ini atau Akta Pencen ini, maka mungkin pihak pegawai ini merasai bahawa ini adalah selaras dengan keadaan keluarga mereka itu dan membuat pilihan lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pegawai-pegawai yang tidak ada isteri atau tidak anak, mungkin hendak membuat pilihan kepada Skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja pada masa mereka membuat pilihan. Tetapi selepas mereka membuat pilihan, mungkin mereka ini telah berkahwin, mendapat anak dan ingin melihat masa depan isteri dan anak mereka itu terjamin dengan adanya bayaran pencen selepas mereka itu kembali ke rahmatullah. Jadi, ini satu soalan yang ingin saya kemukakan kepada Menteri dan Kerajaan untuk memberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin juga menahk perhatian kepada seksyen 6A baru ini juga iaitu kepada seksyen 6A (5) yang mengatakan: "Seseorang pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja hendaklah bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai umur lima puluh lima tahun."

Jadi, adakah ini bermakna dengan adanya peruntukan baru ini tiap-tiap pegawai yang hendak bersara pada umurnya 55 tahun tidak boleh menyambung perkhidmatan mereka di dalam jabatan ataupun agensi Kerajaan. Mungkin dalam satu-satu keadaan di mana pegawai itu diperlukan oleh pihak Kerajaan menyambungkan perkhidmatannya di dalam mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan, maka.. ..

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa kita untuk hari ini telah cukup. Boleh sambung esok.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Terima kasih.

ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta sambung esok. Dewan ini

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*